

Bab Keempat

BAHAGIAN TAWĀRIKH : TEMA DAN PENDEKATAN TULISAN SEJARAH

1. PENGENALAN

Bab ini akan menganalisis data kajian yang terdiri dari 54 artikel yang ditulis dan disiarkan dalam *Majalah Guru* berkaitan dengan sejarah Melayu-Islam. Proses analisis ini akan dibahagikan kepada dua bentuk iaitu yang pertama analisis tunggal berdasarkan kategori berikut iaitu tema, kekerapan, penulis, sumber, tujuan penulisan dan bentuk penulisan. Bentuk yang kedua pula, penulis akan menganalisis perkaitan antara tema, sumber, tujuan dan bentuk penulisan dengan penulis bagi *Bahagian Tawārikh*.

Merujuk kepada bab 3, penulis telah membincangkan mengenai *Bahagian Tawārikh* secara ringkas dan bab 4 ini merupakan rentetan daripada bab sebelumnya. Pemilihan hanya dibuat bagi artikel mengenai Melayu-Islam sahaja yang akan dikaji dalam *Bahagian Tawārikh* ini. Hal ini adalah kerana, pada tahun 1924-1929 terdapat 56 artikel dalam *Bahagian Tawārikh* kemudian hanya 54 artikel daripada jumlah tersebut adalah mengenai masyarakat Melayu dan Islam sendiri. Klasifikasi adalah berdasarkan isi kandungan artikel di dalam *Bahagian Tawārikh*. Pemilihan tema tersebut akan dibahagikan kepada tema tokoh, tema penjajahan, nasionalisme, asal-usul tempat, kumpulan minoriti, dan arkeologi.

Bagi memudahkan lagi proses analisis, perbincangan akan dipecahkan kepada beberapa subtopik supaya penulis dapat membuat kesimpulan daripada analisis yang dibuat.

2. TUJUAN PENULISAN MAKALAH-MAKALAH SEJARAH DI *BAHAGIAN TAWĀRIKH*

Tujuan penulisan di dalam *Bahagian Tawārikh* dapat dilihat daripada tema dan kenyataan penulis di dalam ruangan ini. Daripada pembacaan dan analisis penulis terhadap tulisan sejarah di dalam *Bahagian Tawārikh* ini, tujuan penulisan boleh di bahagikan kepada empat tujuan iaitu:¹

i) Meningkatkan Ilmu Pengetahuan

Menurut R. G. Collingwood, tujuan asas mempelajari sejarah adalah untuk mendapatkan pengetahuan.² Sememangnya penulisan di dalam *Bahagian Tawārikh* ini adalah untuk meningkatkan dan memberi ilmu pengetahuan yang benar kepada masyarakat pada era 20an, bersesuaian dengan nama majalah ini sendiri iaitu *Majalah Guru*. Terdapat juga pernyataan di dalam *Bahagian Tawārikh*:

“...setengah daripada setengahnya telah kita peroleh beberapa keterangan baharu yang lebih cukup dan luas...”³

Kenyataan *Majalah Guru* ini menunjukkan bahawa penulisan mengenai sejarah yang telah diketahui masyarakat Melayu melalui lisan atau bacaan seperti kisah berkenaan dengan “Pateh Gajah Mada”, “Bendahara Seriharaja”, “Bendahara Paduka Raja” dan banyak lagi telah didapati ceritanya dalam kitab-kitab *Tārikh* Melayu dan Sejarah Melayu maka ianya tidak akan disentuh dalam *Majalah Guru*. Walau bagaimanapun, *Majalah Guru* akan menulis mengenai tokoh tersebut sekiranya terdapat penjelasan atau pertambahan maklumat bagi meninggikan lagi pengetahuan masyarakat Melayu pada ketika itu.

¹ Ianya adalah berdasarkan kepada penulisan Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur :Perpustakaan Negara Malaysia, 2002), 7.

² Muhd Yusof Ibrahim, *Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 95.

³ Za'ba, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 September 1928, 169.

“...diberi sedikit tarikh menceritakan hayat setengah daripada mereka itu dengan ceritera-ceritera yang benar dengan sehabis-habis ringkas, “B.C” itu ertinya dahulu daripada sebelum diperanakan nabi Allah Isa a.s...”⁴

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa satu singkatan atau istilah yang digunakan oleh sejarawan iaitu “B.C” yang membawa merupakan singkatan daripada perkataan *Before Christ* yang membawa maksud di dalam Bahasa Melayu iaitu “sebelum lahirnya Nabi Isa”. Ini merupakan penerangan daripada Za’ba sendiri dan bukannya terjemahan dari buku Winstedt.

Ini membuktikan bahawa peranan yang dimainkan oleh *Majalah Guru* melalui *Bahagian Tawārikh* adalah untuk menyampaikan dan meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat pada ketika itu. Ini adalah kerana antara sebab kemunduran masyarakat Melayu pada ketika itu bukan sahaja dari sudut ekonomi malah tiada peningkatan ilmu pengetahuan bagi memajukan diri mereka sendiri.⁵

Penulisan *Bahagian Tawārikh* juga telah memperkenalkan suatu istilah atau ilmu yang baru kepada masyarakat. Contohnya seperti ilmu ‘antropologi’ iaitu daripada kenyataan dari ruangan tersebut:

“...maka peri kemaraan manusia pada perkara-perkara yang telah dibuatnya samada tentang hal-hal yang bersangkutan dengan tubuh badannya atau hal-hal ketinggiannya dan kerendahan perangnya dan fikirannya direhal baik dan jahat semuanya itu ada dibentangkan dengan terangnya oleh suatu ilmu baharu yang dinamakan ‘ilmu asal manusia’ (Anthropology)...”⁶

⁴ Za’ba, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Mac 1925, 47.

⁵ Isu mengenai faktor kemunduran masyarakat melayu banyak dibicarakan oleh penulis prolific. Lihat Hasnah Husiin, *Guru-guru Melayu Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), Siti Rodziyah Nyan, *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, “Majalah Al-Islah dan Masyarakat Melayu Tahun 70an”, *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil.6, 2011.

⁶ Za’ba “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Januari 1925, 17.

Kenyataan di atas juga menunjukkan bahawa penulisan dalam *Bahagian Tawārikh* ini bukan sekadar ‘penulisan yang kosong’ tetapi keterangan mengenai sesuatu perkara juga diperjelaskan dengan lebih terperinci agar masyarakat lebih mengetahui istilah baru yang digunakan dalam penulisan *Bahagian Tawārikh* ini.

Oleh itu, ianya bersesuaian dengan firman Allah yang bermaksud:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ
أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ
خَبِيرٌ

Surah al-Mujaadilah (58:11)

Terjemahan: Hai orang-orang beriman apabila kamu dikatakan kepadamu: "Berlapang-lapanglah dalam majlis", Maka lapangkanlah nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. dan apabila dikatakan: "Berdirilah kamu", Maka berdirilah, nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. dan Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

ii) Menonjolkan Sifat yang Membanggakan

Setiap bangsa di seantero dunia, mempunyai identiti yang dapat membanggakan bangsa tersebut di mata dunia. Contohnya seperti bangsa Melayu yang mempunyai tokoh atau ‘hero’ yang telah menjadi sebutan dan kebanggaan masyarakat Melayu iaitu Hang Tuah.⁷

Hero atau ‘superhero’ yang diwujudkan oleh Barat seperti *Spiderman*, *Superman*, *Batman* dan banyak lagi ‘superhero khayalan’ telah menjadi kebanggaan

⁷ Cerita atau hikayat Hang Tuah ini sama ada wujud atau sebaliknya, tidak menjadi perbincangan dalam kajian ini. Penulis hanya memberi contoh untuk dikaitkan dengan subtopik tujuan penulisan ini.

mereka sehingga dapat mempengaruhi masyarakat dunia terutamanya kanak-kanak. Dominasi dunia Barat⁸ dapat juga dikaitkan dengan dominasi budaya dengan menyebarkan hedonisme melalui filem, kartun dan komik melalui watak-watak hero yang ditonjolkan.

Menurut Shahrudin Maaruf, masyarakat sebenarnya lebih senang terpengaruh dengan tokoh-tokoh yang dianggap wira. Penulisan watak tokoh dilihat dari sudut pembinaan watak wira yang kemudiannya perkembangan watak dan tindakannya bergantung kepada motif pencarian (*quest motif*). Menurut beliau lagi, tokoh-tokoh wira yang ditonjolkan adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat Melayu ketika masyarakat itu menghadapi desakan-desakan daripada kuasa asing sambil memberikan sesuatu kepada masyarakat yang boleh dibanggakan.⁹

Jika dilihat kepada tema penulisan *Bahagian Tawārikh* ini, tema tokoh telah mendominasi sebanyak 36 artikel kesemuanya dari tahun 1924-1929. Ini menunjukkan bahawa penulisan dalam *Majalah Guru* cuba menonjolkan kepada masyarakat Melayu bahawa tokoh-tokoh Islam berwibawa yang diceritakan mampu memberi kesan yang positif kepada masyarakat. Contohnya, Iskandar Zulkarnain,¹⁰ Lokman al-Hakim,¹¹ Harun Ar-Rashid¹² dan banyak lagi nama-nama tokoh Islam yang di tonjolkan dalam *Bahagian Tawārikh* ini.

Oleh itu, ‘superhero’ ini telah ditonjolkan oleh Za’ba dalam *Bahagian Tawārikh* supaya ‘hero’ yang ditonjolkan akan menjadi ikutan dan segala perilaku yang baik

⁸ Perbincangan mengenai dominasi dunia barat ini dibicarakan dalam Osman Bakar et.al., *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, (Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya, 2009).

⁹ Siti Hawa Salleh, *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 391, lihat juga Shahrudin Bin Maaruf, *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist*, (Singapore:Time Book International, 1988) dan juga Noriah Taslim, *Asas-asas Pembinaan Epik*, (Pulau Pinang:Universiti Sains Malaysia, 1986).

¹⁰ Za’ba, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Mac 1925, 48.

¹¹ *Ibid.*, 49.

¹² Za’ba, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Julai 1925, 124.

menjadi contoh kepada masyarakat Melayu pada ketika itu. Walaupun kita selalu mengagungkan hero seperti *Superman*, *Batman*, *Spiderman* dan banyak lagi hero ‘khayalan’ yang dicipta oleh Barat, namun masyarakat Melayu-Islam sendiri mempunyai hero ‘nyata’ dan telah tercatat di dalam al-Quran iaitu sumber Islam yang pertama.

Tokoh-tokoh yang dipaparkan di dalam *Bahagian Tawārikh* adalah tokoh-tokoh Islam yang dapat memberi kesan dan teladan yang baik kepada masyarakat yang pada ketika itu kurangnya ilmu pengetahuan dan pendedahan kepada tokoh-tokoh Islam dengan menggunakan sumber yang tepat. Oleh itu, masyarakat Melayu yang merasakan diri mereka ditindas oleh penjajah pada ketika itu menerima suntikan semangat dan bangga dengan Islam itu sendiri.

iii) Mematangkan Minda dan Diri Masyarakat

Kematangan bukan berdasarkan faktor usia. Matang adalah indikator utama dalam mencorak kehidupan manusia kearah landasan kehidupan yang lurus lagi baik. Matang berfikir mempengaruhi cara kita membuat keputusan. Kematangan juga dapat menghalang kita dari melakukan perkara yang sia-sia. Tanpa kematangan minda kita tidak dapat berfikir secara kritis.

Pembelajaran sejarah berupaya mematangkan minda dan diri manusia. Ini kerana melalui pengkajian sejarah maka kita akan memperoleh ilmu pengetahuan dan maklumat. Dengan ilmu dan maklumat ini, maka minda akan memproses dan menganalisis pertubuhan mental dan perkembangan yang ada hubungannya dengan persekitaran.

Dengan kematangan minda, maka masyarakat dapat meningkatkan keyakinan diri setelah melihat keterlibatan dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh tokoh-tokoh sejarah yang bertindak sebagai ejen sejarah terutamanya mereka terlibat dalam proses perkembangan tamadun. Oleh itu, ini menjadikan masyarakat matang yang mampu dan bersedia untuk menghadapi cabaran yang mendatang.

Penulis mendapati pendekatan *Bahagian Tawārikh* dalam *Majalah Guru* dapat mematangkan minda masyarakat melalui penulisannya dalam ruangan tersebut. Contohnya seperti kenyataan yang berikut:

“...sebagai lagi belumlah ada siapa-siapa jua pun yang telah berjumpa akan kubur Badang orang gagah yang tersebut dalam ceritera hikayat Sejarah Melayu...Orang Melayu perlu berfikir kalau benar wujudnya Badang yang terdapat dalam hikayat Melayu itu, maka di manakah kuburnya...”¹³

Kenyataan di atas adalah penjelasan mengenai kisah Badang yang popular dalam masyarakat Melayu. Ayat tersebut menyuruh masyarakat berfikir mengenai sesuatu perkara yang tidak pasti akan kesahihannya. Ayat tersebut tidak menyatakan bahawa cerita mengenai Badang adalah dongeng tetapi daripada kenyataan “...belumlah ada siapa-siapa yang telah berjumpa kubur Badang...” ini menunjukkan bahawa *Majalah Guru* ingin membuatkan masyarakat berfikiran matang mengenai sesuatu perkara supaya akal dan fikiran mereka sentiasa bergerak dan tidak ‘berkarat’.

“...rencana yang di bawah ini bukanlah di masukkan disini sebab kita percaya atau menyuruh orang percaya akan tetapi melainkan hanyalah menunjukkan fikiran-fikiran baharu daripada setengah orang-orang zaman sekarang...”¹⁴

¹³ *Ibid*

¹⁴ Za’ba, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Januari 1925, 15.

Petikan di atas pula adalah mengenai peringatan Za’ba kepada pembaca bahawa artikel pada terbitan Januari 1925 bertajuk *Tārīkh Manusia* bukanlah bertujuan untuk pembaca percaya mengenai maklumat atau pemikiran Barat yang terpesong daripada akidah Islam. Akan tetapi adalah untuk menyampaikan sesuatu pemikiran baru supaya pembaca berfikir dengan matang dengan menggunakan logik akal. Contohnya seperti petikan mengenai ‘Asal Manusia’ yang dikatakan daripada beruk, monyet dan kera.

“...adalah alam penyiasatan zaman ini membilangkan manusia itu termasuk di antara jenis² binatang² kejadian seumpama monyet, kera, beruk, ungka dan lain² haiwan yang menyusui anaknya...”¹⁵

Kenyataan di atas merujuk kepada teori Darwin yang menyatakan bahawa asal manusia adalah daripada golongan mamalia tersebut. Oleh sebab itu, sebelum menyampaikan artikel bertajuk ‘Asal Manusia’ ini, Za’ba telah memberi peringatan supaya masyarakat dapat berfikiran matang dalam membezakan sesuatu perkara agar tidak merosakkan akidah.

Al-Quran telah menjelaskan bahawa manusia yang pertama diciptakan iaitu Nabi Adam a.s berasal daripada tanah. Kemudian keturunan Nabi Adam a.s iaitu kewujudan manusia berasal daripada air mani yang tersimpan dalam rahim. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Mu’minun:

ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا

ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ ۖ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

Surah al-Mu’minun (23):14

Terjemahan: Kemudian air mani itu kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging

¹⁵ *Ibid.*, 16.

itu kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu kami bungkus dengan daging. Kemudian kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka Maha sucilah Allah, Pencipta yang paling baik.

Oleh yang demikian, peringatan dari Za'ba dalam keluaran *Bahagian Tawārikh* ini menunjukkan bahawa Za'ba tidak mahu masyarakat terpengaruh dengan sesuatu kenyataan yang akan merosakkan akidah dan ini juga membuktikan bahawa tujuan tulisan sejarah Islam diterbitkan adalah untuk mematangkan minda dan juga diri masyarakat agar dapat mengharungi cabaran pada ketika itu dan akan datang.

Daripada pernyataan di atas, benarlah bahawa penulisan sejarah yang terdapat dalam *Bahagian Tawārikh* sememangnya memberi ruang dan mengajar masyarakat supaya berfikir dengan matang juga tidak mempercayai suatu fakta yang belum tentu sah dengan mudah.

iv) Memperbetulkan Kefahaman Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu-Islam sebenarnya lebih suka bercerita dan mendengar perkara-perkara yang ditokok tambah agar cerita yang disampaikan dan diterima lebih menarik. Sejarawan tradisi gemar memasukkan unsur-unsur yang berkait dengan kepercayaan karut, mitos, lagenda serta dongengan. Inilah yang cuba diperbetulkan oleh *Majalah Guru* melalui tulisan di *Bahagian Tawārikh* agar dapat memberi maklumat atau fakta yang betul kepada masyarakat.

Ruangan tulisan sejarah itu juga telah menyatakan mengenai hikayat Hang Tuah yang menjadi ikon masyarakat Melayu. Tokoh yang 'diwujudkan' oleh masyarakat Melayu ini turut menarik perhatian dan penjelasan *Bahagian Tawarikh* bagi memperbetulkan kefahaman masyarakat.

“...suatu hikayat yang menyedap-nyedapkan (sic.) telinga yang terkarang dalam kurun Masihi yang ke-17 direhal kisah-kisah seorang hulubalang Melaka yang termashur...”¹⁶

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa *Majalah Guru* menyatakan bahawa hikayat Hang Tuah itu merupakan hikayat yang ‘menyedap-nyedapkan telinga’. Ini menunjukkan bahawa cerita mengenai Hang Tuah hanyalah cerita yang di sampaikan untuk hiburan masyarakat.

“...jaranglah orang² kita Melayu yang tahu siapa dia mereka itu dan bila masa hidupnya dan apa halnya yang besar² masa ia hidup itu dan jika tahu pun sedikit² ialah dengan mendengar daripada cerita² yang tiada membuta tuli...banyaklah perkara yang pelik² dan hairan² bercampur di dalamnya...”¹⁷

Pernyataan di atas juga menunjukkan bahawa memang benarlah bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu kurang kefahaman mengenai sejarah dan lebih terdedah kepada cerita yang ditokok tambah sehingga mengubah fakta sejarah. Dengan ini dapat kita simpulkan bahawa ruangan tulisan sejarah dalam *Majalah Guru* telah membantu pembaca dengan memberikan fakta yang sahih seterusnya dapat memperbetulkan kefahaman masyarakat pada ketika itu yang sudah lama tertanam dengan kepercayaan yang karut.

Kefahaman yang sahih dalam sejarah amatlah penting kerana sekiranya kita tidak menjadikan sejarah sebagai landasan hidup, maka kita akan terumbang-ambing dalam menghadapi dunia yang penuh dengan rintangan. Walaupun sejarah yang sama tidak akan berulang pada masa dan keadaan yang sama, namun perkara yang akan berulang ialah bentuk yang umum sifatnya. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa sejarah

¹⁶ Za'ba, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Jun 1927, 107.

¹⁷ _____, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Mac 1925, 47.

memang sangat berguna kepada manusia sebagai rujukan dan pengajaran kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa *Bahagian Tawārikh* yang diterbitkan hampir setiap bulan dalam *Majalah Guru*, bukan diterbitkan hanya untuk menambahkan halaman muka surat supaya dapat dijual dengan harga yang mahal dan seterusnya untuk mendapatkan keuntungan, namun disebalik paparan tulisan sejarah ini, ianya mempunyai tujuan yang berguna kepada masyarakat agar dapat mengambil faedah daripada penerbitan *Bahagian Tawārikh* dalam *Majalah Guru*.

3. KLASIFIKASI DAN PENDEKATAN BAHAN-BAHAN SEJARAH DI BAHAGIAN TAWĀRIKH

a) Tema Penulisan

Untuk menganalisis tema penulisan sejarah di dalam *Majalah Guru* ini, penulis akan menganalisa sebanyak 54 buah artikel yang terdapat dalam *Bahagian Tawārikh*. Penulis telah membahagikan tema kepada empat bahagian iaitu tema penjajahan, tokoh, budaya, asal-usul tempat,¹⁸ kumpulan minoriti,¹⁹ dan juga arkeologi. Berikut ialah tema yang penulis dapati digunakan dalam tulisan sejarah di dalam *Majalah Guru* bagi tahun 1924-1929.

¹⁸ Asal-usul manusia merupakan bidang antropologi. Walau bagaimanapun, penulis meletakkan tema tersebut di dalam analisis bidang sejarah, ianya adalah kerana tema tersebut terdapat dalam *Bahagian Tawārikh*. Ini membuktikan bahawa artikel tulisan sejarah dalam *Majalah Guru* ini masih lemah dari sudut pengetahuan bidang sejarah. Walaupun begitu, penulis merasakan bahawa rencana dalam bidang antropologi itu diletakkan dalam ruangan tulisan sejarah tersebut adalah kerana Za'ba hanya ingin memberikan pengetahuan berguna kepada masyarakat pada ketika itu.

¹⁹ Tema kumpulan minoriti merupakan bidang etnologi dan bukannya bidang sejarah. Perkara ini sama seperti tema asal-usul manusia. Tujuannya hanya untuk menyampaikan pengetahuan kepada masyarakat tanpa melihat kepada pembahagian bidang sejarah yang sebenar.

Jadual 4.1: Tema Penulisan Sejarah *Majalah Guru*

Bil. Dan Tema	Penjajahan	Tokoh	Budaya	Arkeologi	Asal-Usul Tempat/Ma nusia	Kumpulan Minoriti
Tahun 1	2	-	-	-	-	-
Tahun 2	4	5	-	1	3	1
Tahun 3	3	6	2	-	4	2
Tahun 4	1	7	-	2	2	-
Tahun 5	1	9	1	1	1	1
Tahun 6	-	9	-	-	1	-
KESELURUHAN	11	36	3	4	11	4

Sumber: *Majalah Guru*

Melalui jadual 4.1 tersebut, didapati bahawa daripada tahun 1924-1929 terdapat 5 terbitan tidak mengeluarkan rencana dalam *Bahagian Tawārikh* iaitu bil.9 tahun ke-4, bil. 12 tahun ke-5, bil.5 tahun ke-6, bil.8 tahun ke-6 dan bil.9 tahun ke-6. Oleh yang demikian, terdapat 56 artikel yang diterbitkan namun hanya 54 artikel sahaja yang berkaitan dengan Melayu-Islam.

Jadual di atas menunjukkan bahawa tema tokoh menjadi fokus utama dalam penerbitan *Majalah Guru* bagi *Bahagian Tawārikh* tahun 1924-1929. Terdapat 36 artikel yang diterbitkan di bawah tema ini. Antara tajuk-tajuk yang diterbitkan di bawah tema ini ialah “Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyhur”²⁰, “Nama-nama Masyhur yang Kerap Tersebut dalam Hikayat-hikayat Melayu”²¹ dan juga “Orang-orang Masyhur Tanah Melayu”²². Kesemua artikel ini disediakan oleh Za’ba.

²⁰ Kebanyakan penulisan di *Bahagian Tawārikh* adalah mengenai tajuk tersebut. Iaitu pada keluaran Mei tahun 1925, bulan Mac, Mei, Jun, Ogos, September, November dan Disember tahun 1926. Kemudian pada bulan Mac, Mei, Julai, Ogos dan November tahun 1927, kemudian Januari, Mac, dan Ogos tahun 1928 dan akhir sekali pada bulan Jun dan Julai tahun 1929.

²¹ Bermula pada tahun 1929 iaitu pada keluaran bulan Januari, Februari dan April.

²² Bermula pada tahun 1927 iaitu pada keluaran bulan Oktober dan Disember kemudian diikuti pada keluaran tahun 1928 iaitu pada bulan April, Mei dan Jun.

Tema tokoh didapati lebih mendominasi antara tema-tema lain. Ini menunjukkan bahawa tema ini dianggap penulis sebagai medium untuk memberikan kesedaran dan pengajaran dengan menonjolkan tokoh-tokoh Islam yang berwibawa seperti Iskandar Zulkarnain,²³ Lokman al-Hakim,²⁴ Harun Ar-Rashid²⁵ dan banyak lagi nama-nama tokoh Islam yang di tonjolkan dalam *Bahagian Tawārikh* ini.

Terdapat juga perbincangan mengenai isu akidah dengan membawa tokoh-tokoh bagi pelopor mazhab-mazhab seperti Qadariah²⁶ dan Muktazilah.²⁷ *Bahagian Tawārikh* juga telah menonjolkan watak tokoh tersebut dengan menonjolkan keperibadian tokoh agar menjadi ikutan kepada masyarakat. Contohnya seperti Hasan al-Basri ditonjolkan sebagai seorang yang soleh, warak, alim, petah berkata-kata, berani bersuara dan mempunyai pendirian yang teguh menyebabkan beliau Masyhur di kalangan penduduk Basrah.²⁸

“...maka di Basrah ini ia telah beroleh kemasyuran besar kerana keteguhan perangainya, kesolehan waraknya, kealimannya dan ketetapan lidahnya berkata-kata...”²⁹

Jika dilihat daripada jadual 4.1, penerbitan artikel dalam tahun ke-5 dan tahun ke-6 adalah lebih banyak mengenai tema tokoh. Masing-masing mempunyai sembilan artikel yang diterbitkan di dalam tema tokoh ini. Ini menunjukkan bahawa tema tokoh ini popular di kalangan pembaca, kerana peningkatan artikel bagi tema ini meningkat

²³ Za'ba, “Ringkasan Tarikh Beberapa Orang Dahulu Kala yang Kenamaan Pada Medan Fikiran dan Layanannya”, *Majalah Guru*, 1 Mac 1925, 48.

²⁴ *Ibid.*, 49.

²⁵ _____, “Tawarikh Hidup Setengah Daripada Orang-orang Islam”, *Majalah Guru*, 1 Julai 1925, 124.

²⁶ Mereka adalah golongan yang menyatakan perbuatan itu daripada hamba bukannya daripada Allah. Lihat Abdul Hadi Awang, *Fahaman dan Ideologi Umat Islam*, (Selangor:PTS Publications, 2008), 103.

²⁷ Mereka adalah golongan yang banyak mengamalkan hujah-hujah akal daripada al-Quran dan sunnah Nabi. *Majalah Guru* juga telah menerangkan maksud setiap perkataan untuk Qadariah dan Muktazilah supaya masyarakat memahami pegangan setiap aliran mazhab tersebut. Lihat Za'ba, “Setengah Daripada Orang-orang Islam Masyur (Ulamak-ulamak Usul)”, *Majalah Guru*, 1 Mac 1926, 48-49 dan Abdul Hadi Awang, *Fahaman dan Ideologi Umat Islam*, (Selangor:PTS Publications, 2008), 78.

²⁸ Penulis artikel sebenarnya ingin menonjolkan kepada masyarakat bahawa keperibadian Hasan al-Basri dengan menyatakan juga kesan keperibadiannya itu membawa kesan positif kepada masyarakat dan dirinya. Lihat *Ibid.*, 47.

²⁹ *Ibid*

bagi setiap tahun. Halaman bagi tema ini juga adalah lebih banyak dan semakin meningkat berbanding dengan tema lain.³⁰

Menurut McShane³¹ dalam buku karangan beliau yang bertajuk *Organizational Behaviour*, beliau telah meringkaskan sifat-sifat seorang tokoh yang boleh menjadi teladan kepada pengikutnya. Sifat-sifat yang patut ada oleh seorang tokoh menurut Mcshane yang perlu ditonjolkan kepada masyarakat ialah motivasi, personaliti, kreadibiliti dan kepintaran.³²

Motivasi yang dimaksudkan oleh Mcshane ialah keinginan dalam diri yang dimiliki oleh seorang pemimpin untuk menggunakan kekuatannya dalam menggerakkan seseorang mencapai tujuan-tujuan mereka dengan menggunakan hubungan-hubungan sosial dan kemanusiaan.³³ Sifat ini sesuai dengan tokoh yang ditulis oleh Za'ba seperti "Iskandar Zulkarnain" iaitu tokoh yang disebutkan namanya dalam al-Quran yang merupakan seorang pahlawan yang agung.³⁴

Surah *Al-Kahfi* telah menyebut mengenai kehebatan Iskandar Zulkarnain. Berikut merupakan potongan ayat yang menceritakan kehebatan dan kewibawaan Zulkarnain:

³⁰ Pada Bulan Mac 1925 adalah pengeluaran pertama artikel bertemakan tokoh ini dengan 4 halaman, begitu juga pada bulan Mei 1925, kemudian terus meningkat pada Julai 1925 dengan 5 halaman dan seterusnya bertambah kepada 6 halaman pada Mei 1927. Tahun berikutnya sehingga Oktober 1929 konsisten dengan 6 atau 5 halaman.

³¹ Nama sebenar beliau ialah Steven Lattimore McShane dan beliau merupakan penulis prolific membicarakan mengenai kepimpinan dan juga pengurusan sesebuah organisasi. Lihat Steven Lattimore McShane, *Organizational Behavior*, (United States:McGraw Hill, 2003).

³² *Ibid.*, 23.

³³ *Ibid*

³⁴ Lihat lebih lanjut dalam "Bahagian Tawarikh", *Majalah Guru*, 1 Mac 1925, 48.

قَالُوا يَنْدَا الْقَرْيَتَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ
تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿٩٤﴾ قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ

رَدْمًا ﴿٩٥﴾

Al-Kahfi 18:94 & 95

Terjemahan: 94. Mereka berkata: "Hai Dzulkarnain, Sesungguhnya Ya'juj dan Ma'juj[892] itu orang-orang yang membuat kerosakan di muka bumi, Maka dapatkah kami memberikan sesuatu pembayaran kepadamu, supaya kamu membuat dinding antara kami dan mereka?" 95. Dzulkarnain berkata: "Apa yang Telah dikuasakan oleh Tuhanku kepadaku terhadapnya adalah lebih baik, Maka tolonglah Aku dengan kekuatan (manusia dan alat-alat), agar Aku membuatkan dinding antara kamu dan mereka.

Ayat di atas menunjukkan, walaupun Zulkarnain seorang yang hebat akan tetapi seseorang yang hebat memerlukan sokongan dan bantuan orang lain untuk menjadikan dirinya hebat. Hubungan sesama manusia menjadikan tokoh yang disebutkan dalam al-Quran ini menepati ciri-ciri yang di sebutkan oleh Mcshane dan telah diterangkan kisahnya serba ringkas dalam *Bahagian Tawārikh*.

Sifat yang kedua iaitu personaliti. Ianya merupakan motor penggerak yang mendorong seseorang tokoh menuju tujuan yang dikehendakinya.³⁵ Ini dapat dilihat daripada tokoh 'Abu Hanifah' iaitu seorang tokoh mempunyai personaliti yang dapat menarik hati masyarakat Islam khasnya. Daripada petikan dalam *Bahagian Tawārikh*:

"...didapati Abu Hanifah merupakan antara orang-orang Islam yang warak-warak dan soleh-soleh ia terasa yang dirinya tiada layak untuk mengambil sesuatu jawatan kerajaan..."³⁶

"...dan kepada ialah juga tempat orang-orang bertanya fatwa-fatwa (seperti seorang mufti) tatkala itu..."³⁷

³⁵ Steven Lattimore McShane, *Organizational Behavior*, (United States: McGraw Hill, 2003), 25.

³⁶ "Bahagian Tawarikh", *Majalah Guru*, 1 Mei 1925, 93.

³⁷ *Ibid*

Sifat yang ketiga iaitu kredibiliti merupakan tokoh yang mempunyai kesesuaian antara perkataan dan tindakan sehingga melahirkan kepercayaan para pengikutnya.³⁸ Antara tokoh yang mempunyai sifat demikian iaitu tokoh yang terdapat dalam *Bahagian Tawārikh* ialah ‘Abdul Rahman Bin Ali Bin Muhammad Jamaluddin’ iaitu seorang pengarang Arab dan *faqih* dalam mazhab Hanbali. Daripada kenyataan *Bahagian Tawārikh*:

“...oleh tersangat kukuhnya ia berpegang kepada Mazhab Hanbali itu hingga telah membawalah akan dia kepada menghalusi-menghalusi dan menguji akan kebenaran hadis-hadis semuanya dengan ujian yang keras sekali bahkan hingga ia telah menyediakan suatu naskhah daripada kitab *Ihya’ Ulumuddin* bagi al-Ghazali itu atas sifat yang dibersihkan daripada segala hadis-hadis yang dhaif...”³⁹

Dikatakan juga bahawa segala hasil tulisan tangan beliau telah menjadi ikutan kepada umat Islam khasnya sehinggakan masih lagi tersimpan rapi di Paris, Muzium British dan juga di Damsyik.

Sifat yang akhir sekali menurut McShane ialah kepintaran. Semestinya seorang tokoh yang disanjung masyarakat perlu mempunyai kepintaran atau kebijaksanaan bagi memimpin sesebuah masyarakat.⁴⁰ Antara tokoh ilmuwan Islam yang hebat dan tajam pemikirannya iaitu yang ditulis dalam *Majalah Guru* ini ialah Wasil bin Ata’. Terdapat pernyataan yang memuji kebijaksanaan Wasil iaitu:

“...maka ia ini seorang yang sangat tajam otaknya serta kuat kuasa-kuasa fikirannya, lagipun sempurna mahir pada segala ilmu-ilmu dan cawangan-cawangan pengajian zamannya dan pada ilmu hadis...”⁴¹

³⁸ Steven Lattimore McShane, *Organizational Behavior*, (United States:McGraw Hill, 2003), 27.

³⁹ Za’ba “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 September 1925, 169.

⁴⁰ Steven Lattimore McShane, *Organizational Behavior*, (United States:McGraw Hill, 2003), 32.

⁴¹ Za’ba “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Mei 1926, 89.

Menurut Shahrudin Maaruf pula, masyarakat sebenarnya lebih senang terpengaruh dengan tokoh-tokoh yang dianggap wira. Penulisan watak tokoh dilihat dari sudut pembinaan watak wira yang kemudiannya berkembang dan tindakannya bergantung kepada motif pencarian (*quest motif*). Menurut beliau lagi, tokoh-tokoh wira yang ditonjolkan adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat Melayu ketika masyarakat itu menghadapi desakan-desakan daripada kuasa asing sambil memberikan sesuatu kepada masyarakat yang boleh dibanggakan.⁴²

Inilah yang cuba ditonjolkan oleh Za'ba dalam penulisan beliau. Semua artikel yang diterbitkan dalam *Bahagian Tawārikh* mempunyai nilai untuk memberi kesedaran kepada masyarakat. Oleh sebab itu, tema tokoh mendominasi daripada tema yang lain kerana kewibawaan seseorang itu boleh mempengaruhi orang lain. Ini ditegaskan lagi oleh teori yang dibincangkan oleh McShane dan Shahrudin Maaruf. Hal ini juga dibuktikan dengan peningkatan kekerapan penulisan bagi tema tokoh iaitu dari angka 5-9.

Selepas tema tokoh, tema mengenai penjajahan dan tema asal-usul tempat/manusia menjadi fokus kedua di mana kedua-dua tema ini diterbitkan sebanyak sebelas kali. Namun tema penjajahan lebih konsisten berbanding tema asal-usul tempat/manusia. Ini adalah kerana terdapat artikel khusus mengenainya iaitu “Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris”⁴³ yang menjadi pilihan Mohd Yusuf Bin Ahmad bagi penerbitan pertama *Majalah Guru* iaitu pada tahun 1924 (November dan Disember). Kemudian pada tahun ke-2 penerbitan, dilihat tema penjajahan lebih konsisten dengan penceritaan mengikut periodisasi penjajahan Tanah Melayu. Dimulai

⁴² Siti Hawa Salleh, *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahada dan Pustaka, 1997), 391, lihat juga Shahrudin Bin Maaruf, *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist*, (Singapore:Time Book International, 1988) dan juga Noriah Taslim, *Asas-asas Pembinaan Epik*, (Pulau Pinang:Universiti Sains Malaysia, 1986).

⁴³ Mohd Yusuf Bin Ahmad, “Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris”, *Majalah Guru*, 1 November 1924, 12.

dengan “Tarikh Bangsa Melayu (Kedatangan Orang Portugis)”⁴⁴, “Tarikh Bangsa Melayu (Kekuasaan Belanda Pula Naik)”⁴⁵ dan “Tarikh Bangsa Melayu (Kekuasaan British di Negeri-negeri Selat)”⁴⁶.

Di bawah tema asal-usul tempat/manusia, artikel yang ditulis oleh Za’ba bertajuk “Tarikh Manusia”⁴⁷ mendahului artikel lain. Selain beliau penulis yang menggelarkan diri beliau “Komar”⁴⁸ juga menulis artikel dalam tema ini iaitu, “Negeri Sembilan Asli”. Za’ba juga menyatakan:

*“...kita percaya atau menyuruh orang percaya akan tahkik melainkan hanyalah menunjukkan fikiran-fikiran baharu daripada setengah orang-orang zaman sekarang...”*⁴⁹

Daripada pernyataan di atas, penulis berpendapat bahawa Za’ba ingin menjelaskan supaya masyarakat Melayu ini dapat mengetahui pemikiran yang baharu pada ketika itu supaya orang Melayu tidak dianggap sebagai ‘katak di bawah tempurung’. Ianya bersesuaian dengan firman Allah:

فَأَقْصِبْ الْفَقْصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٧٦﴾

Al-A’raaf 7:176

Terjemahan: Maka Ceritakanlah (kepada mereka) kisah-kisah itu agar mereka berfikir.

Tema kumpulan minoriti juga menjadi pilihan penulis *Bahagian Tawārikh* ini. Antara tajuk yang terdapat dalam tema ini ialah “Tawarikh Bangsa Melayu, Kedatangan Orang-orang Melayu Sumatera”⁵⁰ dan juga “Tawarikh Tanah Melayu , Bangsa-bangsa

⁴⁴ Za’ba, “Tarikh Bangsa Melayu (Kedatangan Orang Portugis)”, *Majalah Guru*, 1 Ogos 1925, 151.

⁴⁵ _____, “Tarikh Bangsa Melayu (Kekuasaan Belanda Pula Naik)”, *Majalah Guru*, 1 Oktober 1925, 187.

⁴⁶ _____, “Bangsa Melayu (Kekuasaan British di Negeri-negeri Selat)”, *Majalah Guru*, 1 Disember 1925, 227.

⁴⁷ _____, “Tarikh Manusia”, *Majalah Guru*, 1 Januari 1925, 15.

⁴⁸ Penulis tidak dapat mengenalpasti siapakah yang menggunakan nama pena Komar ini.

⁴⁹ *Ibid*

⁵⁰ _____, “Tawarikh Bangsa Melayu, Kedatangan Orang-orang Melayu Sumatera”, *Majalah Guru*, 1 April 1925, 73.

Asli dan Melayu”.⁵¹ Dalam artikel ini dibahagikan masyarakat orang Asli itu kepada ‘orang hitam kecil’ dan ‘sakai’⁵². Setiap daripada kumpulan masyarakat ini disertakan dengan budaya dan cara hidup mereka. Pada pandangan penulis, penulisan Za’ba mengenai kumpulan minoriti ini adalah untuk meluaskan lagi pengetahuan masyarakat mengenai bangsa lain dengan budaya dan cara hidup mereka. Benarlah firman Allah:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ
عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٤٩﴾
Al-Hujurat 49 :13

Terjemahan: Hai manusia, Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

Tema budaya dan arkeologi masing-masing mempunyai 3 dan 4 artikel sahaja. Antaranya ialah artikel yang bertajuk “Bekas Lama-lama di Tanah Melayu” yang disediakan oleh Za’ba. Artikel ini dibahagikan mengikut periodisasi iaitu 1) bekas-bekas zaman dahulu daripada tarikh, 2) bekas-bekas zaman Hindu, 3) bekas-bekas zaman telah beragama Islam, 4) bekas-bekas zaman Portugis dan akhir sekali ialah 5) bekas-bekas zaman Belanda.⁵³

Walau bagaimanapun, terdapat juga dalam sesebuah artikel itu mempunyai beberapa jenis tema. Antaranya pada bulan April tahun 1925, penulis mendapati bahawa artikel yang diterbitkan mempunyai tiga jenis tema iaitu tema asal-usul, kumpulan minoriti dan juga tema arkeologi. Berdasarkan tajuk “Tawarikh Bangsa Melayu

⁵¹ _____, “Tawarikh Tanah Melayu , Bangsa-bangsa Asli dan Melayu” , *Majalah Guru*, 1 Jun, 1 September & 1 Oktober 1926, 125, 146 & 185.

⁵² Sakai bermaksud nama yang dipakai oleh orang asli iaitu nama untuk suatu kaum orang asli. Lihat Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1298, entri “sakai”.

⁵³ Perkataan bekas yang digunakan bermaksud peralatan ataupun perkakas.

(Kedatangan Orang-orang Melayu Sumatera)”, penulis mendapati di dalam sebuah artikel tersebut mempunyai tiga tema sekaligus. Ini dibuktikan dengan penerangan mengenai nama asal Negeri Johor dan Singapura yang menjadikan artikel ini bertemakan asal-usul.

“...Johor sekarang ini pada zaman dahulu kalanya ialah yang dikatakan ‘Langkapuri’ dalam cerita ‘Ramayana’ (Hikayat Seri Rama)-iaitu negeri yang terMasyhur kekayaannya dengan batu permata...”⁵⁴

Pernyataan yang menunjukkan artikel pada bulan April mempunyai tema penceritaan kumpulan minoriti adalah seperti berikut:

“...Islam telah sampai kepada orang-orang di pulau-pulau Filipina dan Madagascar pun juga...”⁵⁵

Tema arkeologi yang didapati dalam artikel ini pula dapat dilihat dari pernyataan dalam bahagian *Tawārikh* pada bulan April iaitu:

“...dan lagi adalah pula suatu candi (bekas daripada zaman dahulu kala) bertarikh tahun 1005M tersebut dengan bahasa Sanskrit...”⁵⁶

Tema-tema yang dijelaskan di atas merupakan gambaran kandungan yang terdapat pada *Bahagian Tawārikh* dalam *Majalah Guru* sepanjang tahun 1924-1929. Para penulis artikel lebih cenderung untuk menulis hal-hal berkaitan dengan tokoh sama ada artikel itu bersifat terjemahan, saduran atau tulisan asal penulis itu sendiri.⁵⁷

⁵⁴ _____, “Tawarikh Bangsa Melayu (Kedatangan Orang-orang Melayu Sumatera)”, *Majalah Guru*, 1 April 1925, 74.

⁵⁵ *Ibid.*, 73.

⁵⁶ *Ibid*

⁵⁷ Berkenaan dengan jenis penulisan dalam ruangan *Tawarikh*, sama ada penulis ruangan tersebut menulis secara terjemahan, saduran atau idea sendiri akan di terangkan dengan lebih lanjut dalam sub topik yang berikut.

Dari jadual 4.1 juga, didapati selain tema tokoh, tema asal-usul tempat/manusia juga dilihat konsisten dengan penerbitan setiap tahun kecuali tahun pertama keluaran. Walau bagaimanapun, situasi bagi penerbitan dalam tema ini adalah berbeza dengan penerbitan bagi tema tokoh. Jika dilihat dari jadual 4.1 di atas, penerbitannya semakin lama semakin berkurangan iaitu dari banyak ke sedikit. Walaupun begitu, penerbitan bagi tema asal-usul tempat/manusia ini diterbitkan setiap tahun (1925-1929).

b) Penulis *Bahagian Tawārikh*

Jika dilihat daripada bab 3 iaitu jadual pada subtopik yang ke-5, majoriti penulisan *Bahagian Tawārikh* ditulis oleh Za'ba atau nama sebenar beliau Zainal Abidin Bin Ahmad (1895-1973).⁵⁸ Beliau adalah salah seorang tokoh dalam gerakan Islam di Tanah Melayu sejak awal 1920-an. Jika dilihat dari sudut pemikiran pendidikan Za'ba, khususnya apabila dikaitkannya dengan identiti Melayu, Islam adalah asas terpenting dalam kebanyakan tulisan beliau.⁵⁹ Za'ba juga menyatakan bahawa Islam “agama yang diperagamakan” oleh orang Melayu. Ini menunjukkan bahawa pendirian beliau terhadap kepentingan Islam kepada Melayu amat jelas sekali.⁶⁰

Sesuai dengan ciri-ciri penulis awal 1920an yang suka menggunakan nama samaran dalam penulisan mereka, penulis-penulis dalam *Majalah Guru* juga mempunyai sifat yang sedemikian. Contohnya Mohd Yusof bin Ahmad juga dikenali sebagai M.Y, Anak Negeri, Jentayu dan Melur, Zainal Abidin bin Ahmad yang lebih

⁵⁸ Perbincangan mengenai latar belakang ataupun biodata Za'ba telah banyak dibicarakan oleh para sejarawan dan sasterawan. Oleh itu, tidak perlulah penulis menghuraikan dengan lebih panjang lebar mengenai latar belakang beliau. Lihat Adnan Nawang, *Za'ba dan Melayu*, (Tanjong Malim:Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007), Kementerian Belia dan Sukan, *Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu:Esei-esei Penghormatan kepada Pendita Za'ba*, (Kuala Lumpur: Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 1976), Adnan Nawang, *Za'ba:Patriot dan Pendeta Melayu*, (Kuala Lumpur:Yayasan Penataran Melayu, 1994), Ungku Abdul Aziz Abdul Hamid, *Jejak-jejak di Pantai Zaman*, (Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya, 1987), Ermy Azziaty Rozali, “Jalan Keselamatan bagi Orang-orang Melayu : Pemikiran Za'ba Mengenai Pendidikan dan Ekonomi Melayu-Islam Era 1920-an”, *Jurnal Sejarah* no.18, (2010).

⁵⁹ *Lembaga Melayu*, 28 Mac 1917.

⁶⁰ *Utusan Melayu*, 18 Februari 1920.

dikenali dengan nama Za'ba juga dikenali dengan nama "Patriot" dan Mohamad bin Dato' Muda pula menggunakan nama samaran "Penulis Lama".

Kebanyakan penulisan beliau lebih dikenali dengan nama pena iaitu "Za'ba", "Patriot" dan "Anak Melayu Jati". Menurut Amat Johari Moain, nama samaran yang digunakan oleh Za'ba juga termasuklah 'Z'.⁶¹ Norhalim Hj Ibrahim pula menyatakan Za'ba juga menggunakan nama pena "M. Zai" dan "Zai Penjelmaan".⁶² Adnan Nawang pula menyenaraikan antara nama pena ialah "Melayu yang Beragama Islam".⁶³ Walau bagaimanapun dalam penulisan artikel dalam *Bahagian Tawārikh* ini, kesemuanya menggunakan nama pena "Za'ba".⁶⁴ Kebanyakan tokoh-tokoh yang hebat turut memuji kewibaaan Za'ba antaranya seperti Syed Muhammad Naguib Al-Attas. Beliau mengatakan:

*"...ketahuilah bahawa lama sebelum pakar-pakar ekonomi muncul melaungkan peri kemiskinan Melayu, lama sebelum golongan-golongan sosialis memukul gendang anti-feudalisme, zainal Abidin Bin Ahmad yang bukan pakar ekonomi atau sosialis, telah dengan beraninya mengulas, membidas dan melaberak (sic) punca-punca dan akar umbi masalah ini."*⁶⁵

Seterusnya, pandangan Hamka. Beliau mengatakan:

"...di Malaysia beruntunlah perkembangan Bahasa Melayu modern dengan timbulnya Pendeta Za'ba (1895-1973). Pendidikan agamanya yang mendalam sejak waktu kecilnya, bimbingan pengetahuan Islam dan bahasa Arab dari guru-guru yang ahli, diantaranya Syaikh Mohammad Thaber (sic) Jalaluddin, ditambah lagi dengan pelajarannya yang tinggi dalam bahasa Inggeris, menyebabkan sebagai seorang Muslim sejati dia dapat menghadapi kehidupan modern yang telah diselubungi oleh penjajahan Barat...dia pun

⁶¹ Amat Johari Moain, *Strategi Kesenambungan Titisan Warisan Pendeta Za'ba: Peranan Sekolah*, (Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2004), 65.

⁶² Norhalim Hj. Ibrahim, "Za'ba sebagai Contoh Pembelajaran Anak Melayu" (makalah, Seminar Hari Za'ba dan Pelancaran Setem Kenang-kenangan, 17 September 2002), 2.

⁶³ Adnan Nawang, *Za'ba dan Melayu*, (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1998), 30.

⁶⁴ Lihat dalam *Majalah Guru* dari tahun 1925-1929.

⁶⁵ Syed Muhammad Naguib Al-Attas, "Pendita Za'ba : Suatu Penghormatan", *Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Esei-esei Penghormatan kepada Pendita Za'ba*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, 1976), 9.

seorang Islam yang berhaluan Kaum Muda dan berfahaman menurut ajaran Jamaluddin Al-Afghani dan Mohammad Abduh... ”⁶⁶

Daripada pandangan ilmuwan di atas, dapat disimpulkan bahawa penulisan Za’ba kebanyakannya adalah daripada pemerhatian beliau (Za’ba) berkaitan dengan kedudukan masyarakat Melayu dalam hubungannya dengan soal kemajuan manusia. Za’ba mengharapkan supaya masyarakat Melayu berusaha untuk mencari kemajuan duniawi dan juga akhirat. Oleh itu, kebanyakan artikel yang diterbitkan dalam *Bahagian Tawārikh* ini sebenarnya adalah untuk memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat Melayu khususnya dan pelajar amnya.

Sorotan perjuangan Za’ba melalui hasil pena beliau selalu ditonjolkan oleh para pengkaji melalui akhbar dan majalah seperti *Qalam*⁶⁷, *al-Ikhwan*,⁶⁸ *Pengasuh*⁶⁹, *Islamic Review*,⁷⁰ *Utusan Melayu*,⁷¹ *Lembaga Melayu*⁷² dan *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*⁷³ namun, sepanjang pembacaan dan penelitian penulis tiada yang mengkaji mengenai sumbangan Za’ba dari sudut pemikiran beliau dalam penulisan *Majalah Guru*.⁷⁴ Walau bagaimanapun bukan ini yang menjadi fokus utama penulis. Penulis hanya melihat dari satu sudut, iaitu penulisan beliau dalam *Bahagian Tawārikh* iaitu suatu ruangan dalam *Majalah Guru*.

Za’ba menyumbangkan rencananya sejak penerbitan pertama majalah ini. Pada tahun 1924 hingga 1931, terdapat 143 rencana Za’ba yang terdapat di dalam penerbitan

⁶⁶ Abdul Karim Amrullah, “Pengaruh Islam dalam Sastera Melayu” (makalah, Seminar Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur, 25-28 Julai 1976), 78.

⁶⁷ Majalah ini diterbitkan oleh A.H. Edrus dan Percetakan Qalam di Singapura.

⁶⁸ Dimiliki oleh sahabat karib Za’ba iaitu Syed Sheikh Al-Hadi dan diterbitkan di Pulau Pinang.

⁶⁹ Diterbitkan di Kelantan pada 11 Julai 1918. Beliau menggunakan nama pena Patriot. Lihat lebih lanjut Faisal Abdul Hamid, “Majalah Pengasuh Selepas Merdeka 1964-1996 : Kajian Terhadap Pendekatan dan Tema”, (Tesis, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, (2012).

⁷⁰ Za’ba menyumbangkan rencana yang bertajuk “*The Triumph of al-Quran*”, Vol.X, No.1, Januari 1922, 18-23. Ianya diterbitkan di England.

⁷¹ Antara tahun 1919 dan 1920, Utusan Melayu menyiarkan 40 buah rencana Za’ba berhubung dengan “Agama Islam Dahulu dan Sekarang” yang memaparkan suatu perbandingan fahaman Islam bagi Kaum Tua dengan Kaum Muda.

⁷² Menyiarkan 80 rencana pelbagai aspek di antara tahun 1921-1922. Majalah ini diterbitkan di Singapura.

⁷³ Diterbitkan di Kuala Lumpur.

⁷⁴ Pandangan penulis mengenai pernyataan ini adalah daripada sejauh pembacaan dan penelitian penulis terhadap penulis atau pengkaji yang mengkaji mengenai Za’ba sama ada dalam bentuk buku dan juga kertas kerja.

Majalah Guru ini. Menurut Ali bin Ahmad (1972), dari sejumlah 3,634 ruangan yang terdapat dalam *Majalah Guru* (1924-1932), Za'ba memenuhi sebanyak 805 ½ (22.17 %) ruangan, iaitu yang terbanyak, manakala adiknya Muhammad Yusof pula sebanyak 550 ½ (15.14 %) ruangan. ⁷⁵Walaupun begitu, Za'ba dianggap sebagai salah seorang penulis “outsiders” kepada *Majalah Guru* dan Za'ba dikatakan “not an organizational man, capable of helping *Majalah Guru* in the field of planning and organization”.

Tulisan-tulisan beliau banyak tersiar dalam majalah dan akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris seperti *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu*, *Pengasuh*, *The Malay Mail*, *The Straits Times*, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Society*, *Islamic Review*, *The Muslim*, *Panduan Guru*, *al-Ikhwan* dan selain beberapa buah karya untuk pedoman pelajar dan guru termasuklah *Majalah Guru* sendiri. ⁷⁶

Selain daripada Za'ba, Mohd Yusuf Bin Ahmad iaitu adik kepada Za'ba turut memberikan sumbangan dalam *Bahagian Tawārikh*. Walaupun nama beliau hanya muncul dalam tiga artikel dalam ruangan ini sepanjang tahun 1924-1929, namun beliau merupakan penulis yang memulakan *Bahagian Tawārikh* ini pada tahun 1924.

Pada keluaran yang pertama pada bulan November 1924, beliau telah membawakan artikel yang bertajuk “Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris” dengan menulis nama penanya sebagai “ ” atau dalam huruf rumi “M.Y.”⁷⁷ Pada bulan Disember 1924 pula dengan tajuk penulisan yang sama, diakhir penulisannya beliau menulis nama penuh beliau iaitu Mohd Yusuf Bin Ahmad (Kuala Lumpur).⁷⁸

⁷⁵ Peratus penulis lain adalah sebanyak 47.24% dan gambar-gambar yang memenuhi ruangan dalam *Majalah Guru* adalah sebanyak 15.43%. Kiraan peratus ini berdasarkan kepada Jadual 1 dalam kajian Ali Bin Ahmad “*Majalah Guru-The Magazine of The Malay Teacher With Particular Reference to 1924-1932 Period and the Role Played by Muhammad Yusof Ahmad*”, (Tesis, Monash University, Australia, 1972), 91.

⁷⁶ Amat Johari Moain, *Strategi Kesenambungan Titisan Warisan Pendeta Za'ba: Peranan Sekolah*, (Tanjong Makim: Penerbit Universiti Sultan Idris, 2004), 65 dan juga Arba'iyah Mohd Noor, “Pemikiran Pendidikan Za'ba”, *Jurnal Purba*, Bil. 19, 2000), 17.

⁷⁷ Mohd Yusof Bin Ahmad, “Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris”, *Majalah Guru*, 1 November 1924, 13.

⁷⁸ _____, “Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris”, *Majalah Guru*, 1 Disember 1924, 33.

Walau bagaimanapun, pada Februari 1925, beliau menggunakan semula nama “ ” dengan tajuk “Ruangan Cerita Negeri-negeri Melayu”.

Beliau seperti abangnya mempunyai beberapa nama pena, iaitu “Anak Negeri”, “Melor” dan “MY”. Setiap nama pena ini digunakan mengikut tema penulisan yang ingin di sampaikan oleh beliau. “Anak Negeri” digunakan bagi memberi tumpuan kepada isu-isu politik dan ekonomi, manakala nama pena “Melor” dan “MY” condong kepada tulisan berkaitan adat, kebudayaan, dan sastera.⁷⁹

c) **Analisis Sumber dalam *Bahagian Tawārikh***

Sumber sejarah merupakan asas kepada segala penyelidikan dalam bidang sejarah. Penelitian ke atas sumber sejarah sememangnya diberi perhatian oleh semua ahli sejarah dari pelbagai latar belakang sebagai tulang belakang kepada perkembangan disiplin sejarah sebagai satu cabang ilmu.⁸⁰ Oleh sebab itu, penulis ingin melihat sumber sejarah yang digunakan dalam penulisan dekad 20’an.

Sepanjang tahun 1924-1929, *Bahagian Tawārikh* telah mengeluarkan artikelnnya untuk ‘jamahan’ minda masyarakat Melayu. Setiap artikel ini mempunyai sumber-sumber yang diambil bagi menjadikan lagi artikel ini lebih dipercayai untuk dirujuk. Berikut merupakan senarai sumber yang digunakan dalam penulisan sejarah yang terdapat dalam *Majalah Guru*:

⁷⁹ Noor Suhana Zamhuri, *Muhammad Yusuf Ahmad: Pandangannya Terhadap Masalah Orang Melayu*, (Kuala Lumpur:Persatuan Muzium Negara, 1990), 168.

⁸⁰ Danny Wong Tze-Ken et al., *Sejarah Sumber dan Pendekatan*, (Kuala Lumpur:Universiti Malaya, 2006), viii.

Jadual 4.2: Sumber Penulisan Sejarah *Majalah Guru*

Bil. Dan Sumber	The Real Malay	Malaya	Encyclopaedia Britannica	Encyclopaedia Of Islam	Everybody's Pocket Cyclopaedia	The Spirit Of Islam	Suatu Sudut Benua Asia	Kemajuan Ilmu Kalam Pada Ugama Islam
Tahun 1	2	-	-	-	-	-	-	-
Tahun 2	-	5	-	4	1	-	-	1
Tahun 3	-	4	-	6	-	1	-	1
Tahun 4	-	6	1	3	-	-	-	3
Tahun 5	-	3	1	5	-	-	-	-
Tahun 6	-	-	1	5	-	-	1	-
KESELURUHAN	2	18	3	23	1	1	1	5

Sumber: *Majalah Guru* (1924-1929)

Jadual 4.2 menunjukkan sumber yang digunakan dalam penulisan *Bahagian Tawārikh* dari tahun 1924-1929. Daripada jadual di atas, terdapat 8 sumber yang digunakan bagi mewarnai penulisan di dalam *Majalah Guru* iaitu *The Real Malay*, *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*, *Encyclopaedia Britannica*, *Encyclopaedia of Islam*, *Everybody's Pocket Cyclopaedia*, *Kemajuan Ilmu Kalam Pada Ugama Islam*, *The Spirit of Islam* dan *Suatu Sudut Benua Asia*.

Kebanyakan sumber tersebut merupakan karya penulisan sarjana Barat kecuali karya *The Spirit Of Islam* yang dikarang oleh Syed Amir Ali.⁸¹ Ini adalah daripada pemerhatian penulis daripada hasil karya yang digunakan oleh Za'ba dan M.Y. Sir Frank Swettenham⁸² telah menulis buku *The Real Malay*, R.O.Winstedt⁸³ dengan karyanya yang bertajuk *Malaya*, McDonald dengan karyanya *Kemajuan Ilmu Kalam*

⁸¹ Terdapat pernyataan dalam *Majalah Guru* yang menyatakan bahawa Syed Amir Ali merupakan pengarang Islam yang masyur di London. Lihat Za'ba, "Bahagian Tawarikh", *Majalah Guru*, 1 Mac 1925, 48.

⁸² Nama penuh beliau ialah Frank Athelstane Swettenham. Beliau merupakan Residen British yang pertama di negeri Selangor iaitu pada tahun 1882. Kemudian pada tahun 1896-1901 beliau memegang jawatan sebagai Residen Jeneral yang pertama bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Lihat William R.Roof, *Nasionalisma Melayu*, terj. Ahmad Boestamam (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003), 101.

⁸³ Sir Richard Olaf Winstedt lebih dikenali dengan nama R.O.Winstedt merupakan pengkaji Timur Inggeris yang telah banyak menghasilkan karya tentang Alam Melayu. Lihat William R.Roof, *Nasionalisma Melayu*, terj. Ahmad Boestamam (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003), *Majalah Guru*, 1 Januari 1926, 12, Badriyah Salleh & Tan Liok EE, *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).

Pada *Ugama Islam*, Clifford dengan tajuknya *Suatu Sudut Benua Asia*, *Encyclopaedia Britannica*⁸⁴, *Encyclopaedia of Islam*⁸⁵, dan *Everybody's Pocket Cyclopaedia*, masing-masing tidak diketahui hasil penulisan dan tahun penerbitannya.

Merujuk kepada jadual 4.2, sumber yang paling banyak digunakan ialah *Encyclopaedia of Islam* sebanyak 23 kali dalam penulisan *Bahagian Tawārikh*. Walaupun penulisan artikel di dalam ruangan ini kebanyakannya menggunakan sumber dari *Encyclopaedia of Islam*, Za'ba ada menyatakan bahawa sumber ini masih lagi dalam proses pencetakan, iaitu dari pernyataan Za'ba yang berbunyi:

*"...Encyclopaedia of Islam yang telah sedia dicapkan 28 penggal daripadanya dan masih lagi tengah dicap bakinya itu..."*⁸⁶

Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan setakat mana huruf yang dicapkan itu. Walaupun begitu, penulis berpendapat bahawa ianya setakat huruf 'm' iaitu daripada pernyataan di dalam *Bahagian Tawārikh* ini dalam menceritakan perihal tokoh 'Nizam' atau nama sebenarnya 'Ibrahim Ibn Siyaryl Nizam':

*"...lain-lain hal lagi direhal beliau ini belumlah dapat diberi kerana Encyclopaedia of Islam belum sampai dicap kepada huruf 'n'..."*⁸⁷

Penulisan tokoh dengan menggunakan huruf 'm' telah menggunakan sumber daripada *Encyclopaedia of Islam* iaitu kisah 'Muhammad al-Fateh'.⁸⁸ Oleh sebab itu penulis menyatakan bahawa *Encyclopaedia of Islam* pada masa itu hanya di capkan setakat huruf 'm'.

⁸⁴ Za'ba ada menjelaskan bahawa *Encyclopaedia Britannica* ini mempunyai 32 jilid kesemuanya. Setiap jilid tersebut mengandungi lebih daripada 1000 halaman. Lihat Za'ba, *Majalah Guru*, 1 Mei 1925, 92.

⁸⁵ Za'ba hanya menjelaskan bahawa *Encyclopaedia of Islam* ini masih lagi tidak habis di cop, *Ibid*. Menurut Mahmud Hamdi Zaquz, penerbitannya yang pertama dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Jerman di antara tahun 1913 hingga 1938. Lihat Mahmud Hamdi Zaquz, *Orientalisme Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 42-43.

⁸⁶ Za'ba, "Bahagian Tawarikh", *Majalah Guru*, 1 Mei 1925, 92.

⁸⁷ Za'ba, "Bahagian Tawarikh", *Majalah Guru*, 1 Jun 1926, 107.

⁸⁸ Za'ba, "Bahagian Tawarikh", *Majalah Guru*, 1 Mac 1926, 108.

Sumber yang kedua terbanyak pula adalah dari buku karangan R.O. Winstedt iaitu *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States* yang diterbitkan pada tahun 1923 di London.⁸⁹ Walau bagaimanapun, hanya perkataan *Malaya* sahaja yang dicop pada *Bahagian Tawārikh* bagi menyatakan sumber yang digunakan. Apabila penulis meneliti beberapa buku karangan Winstedt, penulis mendapati bahawa sebenarnya buku yang dijadikan rujukan adalah *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*. Penulis menyatakan begitu kerana fakta dan ayat yang dicop dalam *Bahagian Tawārikh* adalah sama yang terdapat di dalam buku karangan Winstedt termasuk susunan bab.⁹⁰

Mengenai sumber lisan pula, ianya ada dinyatakan dalam *Bahagian Tawārikh* bahawa kebanyakan sejarah yang diketahui oleh masyarakat pada ketika itu adalah dari sumber lisan yang di momokkan seperti kenyataan dari *Bahagian Tawārikh*:

“...adapun perkakas-perkakas besi lama-lama yang didapati pada beberapa tempat dalam semenanjung ini dipercayakan orang Melayu ialah tulang-tulang yang telah menjadi batu daripada suatu jenis beruk...maka cerita bukan-bukan ini barangkali asalnya telah diperolehi daripada khabar orang yang berlebih-lebihan...”⁹¹

Daripada kenyataan di atas jelaslah bahawa tulisan sejarah yang terdapat dalam *Bahagian Tawārikh* mementingkan sumber yang digunakan bagi tatapan pembaca supaya ilmu dan fakta yang di sampaikan adalah benar dan tepat.

Terdapat 8 sumber yang digunakan dalam penulisan *Bahagian Tawārikh* dan penulis mendapati bahawa kesemua sumber tersebut merupakan sumber sekunder.

⁸⁹ R.O.Winstedt, *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*, (London:Constable & Co. Ltd, 1923). Za'ba pernah membukukan terjemahan dari buku Winstedt ini iaitu terjemahan yang dilakukan beliau iaitu artikel-artikel yang pernah diterbitkan dalam *Majalah Guru* kemudian dikumpulkan dan dibukukan. Buku terjemahan tersebut bertajuk *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*. Walau bagaimanapun, Za'ba menyatakan bahawa tahun terbitan buku Winstedt ini adalah pada tahun 1922, namun penulis mendapati tahun terbitan yang tertera pada buku Winstedt ini ialah tahun 1923. Lihat Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*, (Singapura:Pustaka Melayu, 1961), Pendahuluan.

⁹⁰ Bukti kenyataan penulis akan dijelaskan lebih lanjut dalam subtopik bentuk penulisan *Bahagian Tawārikh*.

⁹¹ Za'ba, “Bahagian Tawārikh”, *Majalah Guru*, 1 Januari 1927, 6-7.

Sumber kedua merupakan bahan yang telah diolah, dicetak dan disebarakan serta ditafsirkan kepada umum, contohnya *Encyclopaedia Britannica*, manuskrip yang sudah dicetak, ulasan majalah berhubung sesuatu perkara dan buku sejarah yang ditulis oleh sejarawan tempatan mahupun Barat.⁹²

Umum mengetahui penggunaan sumber sekunder semata-mata dalam penulisan sejarah di dalam *Bahagian Tawārikh*, merupakan nilai yang rendah bagi sesebuah penulisan sejarah. Terdapat beberapa sebab mengapa *Majalah Guru* pada ketika itu hanya menggunakan sumber sekunder.

i) Sejarah Merupakan Satu Disiplin Baru Dalam Pendidikan

Sesuai dengan hakikat pada ketika itu bahawa sejarah adalah satu mata pelajaran yang baharu dan diajar pula oleh seseorang yang tidak diterapkan dengan konsep keobjektifan disiplin itu, maka penyampaian mengenai sejarah itu lebih bersifat melahirkan emosi daripada perbincangan akademik.⁹³

Oleh kerana ianya merupakan suatu disiplin yang baru, maka rujukan hanyalah dari bahan bacaan Bahasa Indonesia⁹⁴ dan kebanyakan bahan bacaan dari Bahasa Inggeris pula adalah merupakan terjemahan yang di lakukan oleh Pejabat Karang Mengarang.⁹⁵ Ini merupakan kelebihan Za'ba yang dapat memahami dan seterusnya menterjemahkan bahan bacaan yang ditulis oleh Barat untuk tatapan anak bangsanya.

⁹² Ishak Saat, *Penulisan Sejarah*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2010), 15-16.

⁹³ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), 167.

⁹⁴ *Ibid*

⁹⁵ Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai Pejabat Karang Mengarang ini, lihat Abdul Hamid Mahmood, *Peranan UPSI Melestarikan Warisan Pejabat Karang Mengarang Pendeta Za'ba*, (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2010), Adnan Nawang, *Za'ba dan Melayu*, (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009).

Tawārikh sebagai satu mata pelajaran, diasingkan daripada subjek kesusasteraan telah diperkenalkan pada tahun 1918 di Maktab Melayu Melaka, iaitu sebuah maktab perguruan yang bukan hanya mendahului Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjong Malim bahkan beberapa orang kelulusan Maktab Melayu Melaka adalah pensyarah yang amat berpengaruh di MPSI (atau lebih dikenali sebagai SITC pada awal penubuhannya).⁹⁶

Bagi Winstedt, mata pelajaran Sejarah terutamanya tentang orang Melayu dalam erti sejarah tempatan adalah merbahaya kerana baginya, sejarah tempatan yang dianggap sejarah oleh masyarakat Melayu sebenarnya hanyalah cerita dongeng. Beliau mengatakan lagi bahawa untuk mengajarkan sejarah Tanah Melayu masih tidak boleh dilakukan kerana buku-buku yang ada hanyalah bukti yang belum pasti. *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Abdullah* merupakan buku yang dianggap Winstedt tidak sesuai digunakan di sekolah Melayu walaupun untuk pelajaran bahasa Melayu.⁹⁷ Walau bagaimanapun pada tahun 1927, *Sejarah Melayu* telah digunakan untuk mata pelajaran Sejarah di samping buku *Tawārikh Melayu*⁹⁸ tulisan R.O Winstedt sendiri.

Selain buku tulisan Winstedt, terdapat rujukan lain yang digunakan dalam proses pembelajaran sejarah. Berikut ialah rujukan yang digunakan:

- 1) *Papers On Malay Subjects*⁹⁹
- 2) *Sejarah Alam Melayu (Jilid I-V)*¹⁰⁰

⁹⁶ Khoo Kay Kim & Ramlah Adam, *The Malay College Malacca*, (Kuala Lumpur: The New Straits Times Annual, 1977), 81-86.

⁹⁷ *Ibid.*, 78 dan lihat juga Siti Zainun Mat, "Kepentingan Pelajaran Sejarah Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia" *Jurnal Sejarah*, Bil. 18 (1990), 10.

⁹⁸ Buku ini diterbitkan di Singapura.

⁹⁹ Ditulis oleh R.J Wilkinson. Antara tajuk-tajuk yang terdapat didalamnya ialah *The Proto Malay, The Early Peninsular Civilisation, The Coming of the Malays, The Malacca Sultanate, The Portuguese Ascendancy, The Dutch Ascendancy, Singapore, Johore and Muar, Early Perak History, Larut, The Perak War*. Lihat Khoo Kay Kim, "Penyelidikan, Penulisan dan Pengajaran Sejarah Tanah air untuk Memupuk Keperibadian Malaysia" (makalah, Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur, 16-10 Ogos 1973), 139.

¹⁰⁰ Dimulakan oleh Cikgu Abdul Hassan dan kemudiannya disudahi oleh Buyong Adil. Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), 76-78.

Khoo Kay Kim menyatakan bahawa terdapat jurang di antara murid-murid di sekolah Inggeris dengan murid-murid di sekolah Melayu iaitu dari sudut sukatan pelajaran Sejarahnya. Sekolah Inggeris, sukatan pelajaran Sejarah tidak memperkenalkan 'Alam Melayu' kepada murid-murid. Dalam Sejarah Tanah Melayu yang diajar, tokoh-tokoh yang banyak disebutkan termasuk Francis Light, Stamford Raffles, Hugh Low dan Frank Swettenham.¹⁰¹

Jika dilihat kepada sukatan pelajaran yang dinyatakan oleh Khoo Kay Kim, tidak terdapat di dalam sukatan pelajaran Sejarah pada tahun tersebut mengenai tokoh-tokoh Islam. Oleh sebab itu, penulis merasakan Za'ba cuba memperkenalkan kepada pelajar pada ketika itu dengan artikel yang dimuatkan di dalam *Bahagian Tawārikh*, bahawa Islam juga mempunyai tokoh-tokoh yang hebat yang perlu di ketengahkan dan ditonjolkan kepada pelajar.

Matapelajaran Sejarah yang diajar tidak dihidangkan mengenai sejarah Islam, namun sejarah mengenai Empayar British lebih diminati oleh pentadbiran British untuk dipelajari oleh pelajar. Oleh sebab itu, tidak hairanlah kenapa tema tokoh Islam memonopoli penulisan *Bahagian Tawārikh* walaupun sumber yang digunakan adalah sumber sekunder.

ii) Penulis *Bahagian Tawārikh* Bukan Seorang Sejarawan

Za'ba merupakan penulis yang memonopoli penulisan *Bahagian Tawārikh* iaitu daripada 54 buah artikel itu, Mohd Yusuf Bin Ahmad menerbitkan 3 buah artikel, Adam b Haji Ibrahim dan Komar masing-masing satu artikel dan selebihnya diterbitkan oleh

¹⁰¹ Khoo Kay Kim, "Strategi Kesenambungan Titisan Warisan Pendeta Za'ba: Peranan Ahli Sejarah", (makalah, Seminar Kebangsaan Memartabatkan Warisan Pendeta Za'ba, Dewan Bahasa dan Pustaka, 15 & 16 September 2004), 96 dan lihat juga Arba'iyah Mohd Noor, "Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden" (*Jurnal Sejarah*, no.17, 2009, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya).

Za'ba. Empat orang penulis ini bukanlah seorang sejarawan yang telah diterapkan dengan ilmu sejarah akan tetapi mereka ini menyumbangkan penulisan mereka untuk membakar semangat nasionalisme dan menyampaikan pengetahuan mengenai sejarah Islam melalui medium ini memandangkan kurangnya pengetahuan masyarakat mengenai sejarah Islam.¹⁰²

“...Za'ba secara efektif hanya wujud dalam bidang bahasa dan linguistik...Za'ba memang seorang intelektual walaupun beliau tidak mempunyai idea-idea yang begitu canggih kerana tidak terdedah kepada dunia akademik sehingga beliau berumur 50 tahun...fahamannya tentang masyarakat Melayu berasaskan pengalaman secara langsung...”

Khoo Kay Kim menyatakan bahawa Za'ba bukanlah seorang sejarawan tetapi beliau lebih dominan kepada bidang bahasa. Idea beliau dalam bidang penulisan berasaskan pengalaman dan keadaan masyarakat pada ketika itu.¹⁰³ Walaupun begitu, penulis merasakan Za'ba mempunyai sumbangan yang besar kepada masyarakat Melayu khasnya kerana beliau telah menulis ketika masyarakat ketandusan fakta yang benar mengenai sejarah Islam.

Yusuf Ahmad juga dominan dalam bidang bahasa dan aktif dalam menyuarakan pandangan beliau dalam isu-isu politik, ekonomi, adat dan kebudayaan. Nor Suhana Zamhuri dan Ali bin Ahmad turut menyatakan bahawa Muhammad Yusuf Ahmad ataupun lebih dikenali dengan nama pena M.Y dalam *Bahagian Tawārikh* merupakan seorang yang aktif seperti abangnya Za'ba dalam memperjuangkan bahasa dan masyarakat Melayu.¹⁰⁴

¹⁰² Pelajar sekolah dan maktab pada ketika itu juga tidak mempelajari sejarah Islam dan matapelajaran Tawarikh, akan tetapi lebih kepada sejarah British. Lihat Siti Zainun Mat, “Kepentingan Pelajaran Sejarah Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia” *Jurnal Sejarah*, Bil. 18 (1990).

¹⁰³ Khoo Kay Kim, “Strategi Kesenambungan Titisian Warisan Pendeta Za'ba: Peranan Ahli Sejarah,” dalam *Memartabatkan Warisan Pendeta Za'ba*, ed. Abdul Hamid Mahmood et.al (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2010), 99.

¹⁰⁴ Lihat Noor Suhana Zamhuri, *Muhammad Yusuf Ahmad: Pandangannya Terhadap Masalah Orang Melayu*, (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara, 1990) dan Ali Bin Ahmad “Majalah Guru-The Magazine of The Malay Teacher “With Particular Reference to 1924-1932 Period and the Role Played by Muhammad Yusof Ahmad”, Tesis, Monash University, Australia, 1972.

Adam Bin Haji Ibrahim pula merupakan Imam Paduka Amin Al-Bakti dan merupakan pemangku setiausaha masjid-masjid di Selangor. Ini merupakan kenyataan daripada *Bahagian Tawārikh* dalam artikel yang diberi oleh beliau iaitu *Tārikh Dunia yang Ringkas*.¹⁰⁵

Daripada pernyataan di atas dapat penulis simpulkan bahawa walaupun penulis tersebut bukan seorang sejarawan, namun dorongan yang paling besar untuk menulis sejarah adalah minat, rasa tanggungjawab kepada masyarakat iaitu perlunya seseorang untuk menyampaikan sesuatu fakta sejarah yang sahih. Ini merupakan suatu niat yang baik walaupun tulisan sejarah tersebut bukanlah standard yang baik namun, ianya satu perkongsian ilmu yang bukan mengaibkan.

iii) *Majalah Guru* Bukan Majalah Berorientasikan Sejarah

Jika dilihat dari kandungan majalah ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa majalah ini lebih bertujuan untuk menyatukan guru-guru bagi memperjuangkan hak dan memberi nasihat juga ilmu kepada masyarakat Melayu.¹⁰⁶ Ini menunjukkan bahawa penulisan ruangan sejarah di dalam *Majalah Guru* hanyalah sekadar untuk ‘membantu’ merealisasikan tujuan tersebut.

Kebanyakan kajian yang menjadikan *Majalah Guru* sebagai subjek, menyatakan bahawa *Majalah Guru* ini berorientasikan pendidikan, bahasa dan linguistik. Ini membuktikan bahawa *Majalah Guru* ini bukannya majalah yang berorientasikan sejarah memandangkan penerbitan *Bahagian Tawārikh* adalah tidak tetap dan ruangan tulisan sejarah ini juga terhenti selama tiga tahun bermula dari tahun 1930-1933.

¹⁰⁵ Adam Bin Ibrahim, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Februari 1928, 31.

¹⁰⁶ Penulis membuat kesimpulan daripada pernyataan *Majalah Guru* sendiri iaitu daripada ruangan Rencana Pengarang, *Majalah Guru*, 1 November 1924, 2.

Keadaan *Majalah Guru* yang tidak tetap pendiriannya dalam menyiarkan rencana-rencana berbentuk sejarah antara tahun 1924 sehingga akhir 1940 menunjukkan bahawa *Majalah Guru* ini bukanlah berorientasikan sejarah memandangkan penerbitannya tidak tetap terutamanya selepas tahun 1929 dan dalam tempoh 1940an pula ada rencana yang telah diletakkan dalam *Bahagian Tawārikh* dan ada yang disiarkan secara sewenang-wenangnya tanpa dilabelkan di bawah *Bahagian Tawārikh*.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah mengapa penulisan *Bahagian Tawārikh* ini menggunakan sumber sekunder tetapi sumber yang disampaikan adalah sumber yang dipercayai untuk memberi maklumat dan kesedaran sejarah kepada masyarakat

d) Bentuk Penulisan *Bahagian Tawārikh*

Tulisan sejarah Islam yang terdapat dalam *Bahagian Tawārikh* ini merupakan tulisan terjemahan daripada sumber yang digunakan. Ini dibuktikan daripada kenyataan Za'ba sendiri iaitu:

“...sebahagiannya tidak dapat dinyatakan kerana tidak direhalkan dalam *Encyclopaedia of Islam* dan setakat itu sahaja apa yang direhalkan..”¹⁰⁷

“...terjemahan² ini, dan juga beberapa terjemahan lain yang dimasukkan jadi “Hujongan” dalam buku ini, telah di-siarkan bersambong² dalam *Majallah Guru* (dengan tidak menurut susunan dahulu kemudian-nya yang di-atorkan di-sini) dari awal tahun 1925 hingga akhir tahun 1929...”¹⁰⁸

Setiap tulisan sejarah yang diterbitkan dalam *Bahagian Tawārikh* ditulis tajuk dan di bawahnya terdapat kenyataan “diambil dari kitab *Malaya*” atau “diambil dari kitab *Real Malay*”. Ini menunjukkan bahawa setiap penulisan sejarah yang ditulis,

¹⁰⁷ _____, “Bahagian Tawārikh”, *Majalah Guru*, 1 Januari 1925, 7.

¹⁰⁸ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*, (Singapura: Pusaka Melayu, 1961), Pendahuluan.

menggunakan satu sumber dan ianya merupakan terjemahan daripada sesuatu sumber yang digunakan itu.

Ini dibuktikan dengan ayat pada setiap perenggan *Bahagian Tawārikh*, contohnya penggunaan sumber dari buku Sir Frank Swettenham iaitu *The Real Malay*.

Contoh ayat perenggan pertama dalam *Bahagian Tawarikh*:

“...Kota Melaka telah di alihkan oleh Albuquerque dalam tahun 1511 kemudian negeri ini telah dirampas oleh orang Belanda dari tangan Portugis dalam tahun 1640, maka dalam tahun 1795 telah dapat pula ke tangan orang Inggeris...”¹⁰⁹

Kemudian penulisan tersebut dalam buku *The Real Malay*:

“...Malacca was seized by Albuquerque in 1511. The Place, then a very important emporium of trade, was wrested from the Portuguese by the Dutch in 1640, and they retained it till 1795, when we took it from them...”¹¹⁰

M.Y membuat terjemahan ini dari subtopik *A New Method* yang terdapat dalam buku *The Real Malay* iaitu di pertengahan ayat dalam subtopik itu. Walau bagaimanapun, penulis mendapati bahawa M.Y juga memberikan penerangan atau penjelasan beliau sendiri di hujung perenggan dengan meletakkan kurungan ‘()’.

Contohnya seperti berikut:

“...Pulau Pinang telah diduduki oleh “East India Company” dalam tahun 1786 diketuai oleh seorang juragan Inggeris yang berniaga di laut-laut sebelah timur ini namanya Francis Light. (yang dipanggil juga Kapten Light).”¹¹¹

Lihat pula ayat dari buku *The Real Malay*:

¹⁰⁹ M.Y, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Nov 1924, 12.

¹¹⁰ Sir Frank Swettenham, *The Real Malay*, (Pen Pictures,t.t), 5.

¹¹¹ M.Y, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Nov 1924, 12.

“...*The Island of Penang, was occupied by the East India Company in 1786, at the instance of a trader in the Eastern Seas named Francis Light.*”¹¹²

Ayat di atas menunjukkan bahawa ayat dari buku *The Real Malay* hanya setakat “...*Francis Light*” sahaja dan tidak menyebut mengenai panggilan *Kapten Light* sepertimana yang di tulis oleh M.Y dalam *Majalah Guru* tersebut. Ini membuktikan bahawa beliau bukan sahaja mengambil sesuatu fakta tersebut secara terus akan tetapi beliau juga membuat kajian dengan memberikan maklumat tambahan kepada pembaca walaupun sedikit akan tetapi berguna.

Buku *Malaya* atau lebih tepat lagi *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*¹¹³ yang ditulis oleh *Sir Richard Olaf Winstedt* adalah sumber yang digunakan oleh Za’ba dan telah diterjemahkan oleh beliau. Buku susunan *Sir Richard* telah diterbitkan dalam tahun 1923 dan pada ketika itu beliau belum mendapat gelaran ‘Sir’.¹¹⁴ Menurut Za’ba, beliau telah membuat terjemahan buku *Malaya* ini walaupun mempunyai banyak kekurangan dari segi terjemahan dan maklumat yang disampaikan, namun terjemahan beliau diharapkan dapat menunjukkan bagaimana sejarah tanah air dan bangsa Melayu dari pemikiran Barat.

“...walaupun dengan segala kekurangan-nya dari segi terjemahan dan lain² itu dan dengan sifat ketinggalan-nya dari chara yang di-kehendaki bagi zaman Malaya sudah merdeka sekarang. Mudah²-an ada juga guna-nya untuk menunjukkan bagaimana hal-ahwal sejarah negeri dan bangsa kita telah di-selideki dan di-perkatakan oleh salah sa-orang penyelidek Barat...boleh di-gunakan jadi pembuka jalan atau tapak permulaan untuk membena penyelidekan²an pada masa akan datang...”¹¹⁵

¹¹² Sir Frank Swettenham, *The Real Malay*, (Pen Pictures,t.t), 5.

¹¹³ R.O.Winstedt, *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*, (London:Constable & Co. Ltd, 1923).

¹¹⁴ Za’ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*, (Singapura: Pustaka Melayu, 1961), Pendahuluan.

¹¹⁵ *Ibid.*, ii.

Za'ba juga menyatakan bahawa hasil terjemahan beliau ini boleh menjadi pembuka jalan atau tapak permulaan bagi membina perkembangan, penambahan dan pembetulan fakta bagi kajian pada masa hadapan.¹¹⁶ Terjemahan daripada buku *Malaya* ini telah disiarkan secara berturut-turut setiap bulan dalam *Majalah Guru* iaitu pada *Bahagian Tawārikh*.¹¹⁷ Kemudian Za'ba telah mengumpulkan kesemua terjemahan terhadap buku *Malaya* dalam 12 bab dengan tajuk “Sejarah Ringkas Tanah Melayu” dan diterbitkan setelah 35 tahun naskhah yang ditulis oleh Za'ba tersimpan begitu sahaja.¹¹⁸

Terjemahan daripada buku *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*, adalah diambil daripada subtopik yang ke-14 iaitu *History* bermula dari halaman 126-152. Terjemahan dari buku Winstedt ini telah diterbitkan bermula dari 1 April 1925 dengan diberi tajuk “*Tawārikh Bangsa Melayu*” dengan subtopik yang pertama iaitu *Kedatangan Orang-orang Melayu Sumatera*¹¹⁹ sama dengan bab *History* dengan tajuk pertama iaitu *The Coming of the Sumatran Malays*.¹²⁰

Beliau juga seperti adiknya (M.Y) tidak hanya menghidangkan kepada masyarakat daripada hasil terjemahan semata-mata. Za'ba juga memberikan penjelasan kepada sesuatu fakta yang diterjemah sekiranya sesuatu fakta itu perlu dijelaskan sesuai dengan kehendak masyarakat pada ketika itu.

“...maka nama kehormatan bagi negeri Palembang itu pada zaman dahulu kala iaitu “Sri Vijaya” dan iaitu dipelatkan oleh orang-orang perniagaan bangsa cina kepada “Shi-li-fo-she” dan “San-bo-tsai”

¹¹⁶ *Ibid*

¹¹⁷ Diterbitkan secara tidak teratur dari awal tahun 1925 hingga akhir tahun 1929. Lihat *Bahagian Tawarikh*, *Majalah Guru* 1925-1929.

¹¹⁸ Diterbitkan pada tahun 1961 tanpa mengubah apa-apa struktur ayat dari naskah asal terjemahan. Ini adalah kerana untuk menjadi ingatan dan perbandingan antara tulisan penulis pada ketika itu dengan masa sekarang. Lihat Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*, (Singapura: Pustaka Melayu, 1961).

¹¹⁹ Za'ba, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 April 1925, 73.

¹²⁰ R.O.Winstedt, *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*, (London: Constable & Co. Ltd, 1923).

*dan orang-orang Arab yang berniaga di situ pula menyebut "Sarbazā" (sekalian sebutan ini didapati di dalam kitab-kitab karangan mereka itu)...*¹²¹

*"...dan lagi adalah pula suatu candi... (bekas daripada zaman dahulu kala) bertarikh tahun 1005M dalam bahasa keling dan Sanskrit ..."*¹²²

Ayat asal dari buku Winstedt:

*"...the honorific name for Palembang was Sri Vijaya, which Chinese traders corrupted to Shi-li-fo-she and San-bo-tsai, and Arabs to Sarbaza."*¹²³

*"...Again there is a monument, dated A.D. 1005, in Tamil and Sanskrit..."*¹²⁴

Daripada buku Winstedt, jelaslah bahawa ayat atau penerangan dari Za'ba dengan tanda kurungan "()" menunjukkan Za'ba cuba memberi penjelasan yang jelas kepada sesuatu perkara yang baru kepada masyarakat contohnya seperti perkataan candi dan Sri Vijaya tersebut.

*"...kerana sesungguhnya tempat yang didirikan oleh Francis Light disebelah utara (yakni Pulau Pinang) itulah sekatan yang pertama sekali akan orang-orang Belanda..."*¹²⁵

Pernyataan diatas dijelaskan oleh Za'ba mengenai maksud pernyataan 'disebelah utara' iaitu negeri di sebelah utara yang bermaksud negeri Pulau Pinang. Ini jelas menunjukkan bahawa Za'ba memudahkan lagi kefahaman pembaca dengan penjelasan ringkas yang diberikan.

¹²¹ Za'ba, "Bahagian Tawarikh", *Majalah Guru*, 1 April 1925, 73.

¹²² *Ibid*

¹²³ R.O.Winstedt, *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*, (London: Constable & Co. Ltd, 1923), 126.

¹²⁴ *Ibid*

¹²⁵ Za'ba, "Bahagian Tawarikh", *Majalah Guru*, 1 Disember 1925, 227.

Walaupun bagaimanapun, penulis hanya dapat memberikan dua contoh sumber yang digunakan oleh Za'ba dan M.Y iaitu dari buku *The Real Malay* karangan Sir Frank Swettenham dan juga *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States* karangan Sir R.O. Winstedt. Enam sumber lagi tidak dapat penulis huraikan dengan lebih lanjut kerana ketiadaan nama penerbitan, tahun dan hanya ditulis dalam *Bahagian Tawārikh* tajuk dan juga pengarangnya.

Walaupun dalam Perpustakaan Universiti Malaya mempunyai simpanan *Encyclopaedia of Islam* dan *Encyclopaedia Britannica* namun tahun penerbitannya merupakan edisi yang terbaru iaitu terbitan pada tahun 2005 dengan nombor panggilan BP40 Enc bagi *Encyclopaedia of Islam* manakala *Encyclopaedia Britannica* pula terbitan yang ada dalam simpanan iaitu tahun 1955, 1965, 1969, 1973 dan 1975 dengan nombor panggilan AE5 Enc yang kesemuanya merupakan edisi baru. Oleh itu, tidak logiklah sekiranya dikira daripada tahun penerbitan tersebut untuk dijadikan rujukan memandangkan tahun penerbitan *Majalah Guru* ialah 1924. Manakala *Kemajuan Ilmu Kalam Pada Ugama Islam, Suatu Sudut Benua Asia*, tidak dapat penulis kenal pasti simpanan bagi buku tersebut termasuklah pencarian di Arkib Negara dengan bantuan pegawainya.

e) **Corak Penulisan**

Sebagai salah seorang pengasas *Majalah Guru*, M.Y turut serta mempersoalkan dan mendedahkan kepincangan yang dilihatnya dalam masyarakat, khususnya untuk tatapan guru Melayu sebagai kaum intelek pada ketika itu. Oleh yang demikian, beliau bolehlah dianggap sabagai salah seorang daripada sebilangan kecil cendekiawan Melayu yang aktif dalam bidang penulisan pada dekad 1920-an.

Hal ini telah dibuktikan di dalam penulisannya di dalam *Bahagian Tawārikh* Penulis berpendapat bahawa beliau bukan sengaja untuk menceritakan hal berkaitan dengan penaklukan Inggeris ke Tanah Melayu, akan tetapi beliau mempunyai maksud yang tersirat supaya orang Melayu lebih mempunyai sifat ‘malu’ dengan orang Inggeris yang ‘melabelkan’ orang Melayu sebagai suatu kaum yang suka bergaduh dan berkelahi. Ini dibuktikan daripada pernyataan:

“...di dalam negeri-negeri Melayu ini ialah sentiasa ada perkelahian dan pergaduhan sahaja oleh sebab masing (sic.) berkehendakan (sic.) kuasa dan kebesaran ataupun sebab memang suka berkelahi ...orang-orang Melayu ini tabiatnya suka berbunuh-bunuhan dan perniagaannya dilaut menjadi perompak laut...”¹²⁶

“...Adapun orang-orang Melayu itu semuanya beragama (sic.) Islam, tetapi mereka itu sombong (bongkak) dan berani dan tidak suka bercampur dengan orang-orang bangsa asing...”¹²⁷

Pernyataan di atas pula adalah mengenai orang Melayu-Islam yang sombong dan tidak suka bergaul dengan bangsa asing. Pernyataan ini dipetik daripada penulisan dan pengalaman Sir Frank Swettenham ketika beliau menjadi salah seorang pegawai Inggeris yang terpaksa dihantar ke Tanah Melayu.¹²⁸

Ini menunjukkan bahawa M.Y mahu orang-orang Melayu-Islam ini perlu berubah dari sikap mereka yang dipandang serong oleh dunia Barat. Penulis berpendapat bahawa M.Y bukan ingin menambahkan api kemarahan masyarakat Melayu-Islam, akan tetapi supaya masyarakat sedar dan perlukan perubahan yang positif.

¹²⁶ Mohd Yusuf Bin Ahmad, “Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris”, *Majalah Guru*, 1 November 1924, 12.

¹²⁷ _____, “Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris”, *Majalah Guru*, 1 Disember 1924, 32.

¹²⁸ Buku karangan beliau iaitu *The Real Malay* akan dibicarakan dengan lebih lanjut dalam bab yang berikut.

Daripada pernyataan di atas, jelas menunjukkan orang Inggeris beranggapan bahawa orang Melayu ini mempunyai sikap dan tabiat yang negatif, ini mungkin pandangan mereka atau sengaja membuat cerita dengan mengeluarkan pernyataan demikian. Pernyataan di atas bukan daripada kata-kata M.Y, akan tetapi ianya adalah petikan daripada pernyataan Sir Frank Swettenham dalam buku karangan beliau iaitu *The Real Malay*.

Perjuangan M.Y dan Za'ba sebenarnya adalah sama iaitu mempunyai semangat yang tinggi untuk memajukan bangsa Melayu seiring dengan agama Islam.¹²⁹ Adik beradik ini memperjuangkan nasib Melayu-Islam melalui tarian pena mereka sama ada di dada-dada akhbar dan majalah. *Majalah Guru* melalui *Bahagian Tawārikh* ini juga adalah salah satu medium perantaraan antara suara guru-guru dengan masyarakat Melayu amnya.

Walaupun kita melihat perjuangan M.Y dan Za'ba adalah berfokuskan kepada Melayu-Islam, namun menurut Noor Suhana Zamhuri (1990), M.Y tidak bersikap radikal di dalam pendekatannya. Ini dibuktikan daripada penulisan beliau:

“...British sebagai tempat perlindungan yang sangat adil dan sentiasa mengambil pandangan dan pemerhatian yang baik dan sempurna kepada hak negara...”¹³⁰

“...pemerintahan British sentiasa memandang orang-orang Melayu dengan kasihan dan timbang rasa, bahkan orang Melayu patut tahu dan sedar budi pekertinya pada Melayu...”¹³¹

¹²⁹Mohd Yusuf juga turut terlibat dalam kumpulan pendakwah dikenali sebagai *Islamic Review* sama dengan kakanda beliau iaitu Za'ba. *Islamic Review* telah mempengaruhi segolongan intelek Melayu yang berpendidikan Inggeris. Lihat Noor Suhana Zamhuri, *Muhammad Yusuf Ahmad: Pandangannya Terhadap Masalah Orang Melayu*, (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara, 1990), 171.

¹³⁰Anak Negeri, “Bangsa Asing Menuntut Masuk ke Dalam Jawatan Memerintah Tanah Melayu”, *Majalah Guru*, 1 Disember 1929, 104.

¹³¹*Ibid*

Hal ini dapat dibuktikan juga dengan penulisan beliau dalam *Bahagian Tawārikh* dari pernyataan:

“...Orang-orang Melayu yang tidak gemar akan pemerintahan (sic.) bangsa-bangsa asing itu dan jua penyamun-penyamun dan pembunuh-pembunuh itu tidak boleh menyenangkan pemerintahan (sic.) Portugis dan Belanda...mereka ini tidak pernah di usik oleh orang putih...”¹³²

Daripada pernyataan di atas, penulis berpendapat, perkara yang ingin di sampaikan oleh M.Y adalah, walaupun orang-orang Melayu tidak suka pemerintahan bangsa asing namun orang-orang Melayu ini tidak dapat suatu pemerintahan yang lebih baik dari Inggeris.

Berbeza dengan Za’ba beliau lantang bersuara dan penulisan beliau sinis dan kritis. Beliau bukan sahaja menegur masyarakat Melayu, malah raja-raja, pembesar dan kolonial British menjadi sasaran utamanya. Ini telah menjadikan tulisan Za’ba popular di kalangan pembaca tetapi turut mendapat perhatian khusus pihak British.¹³³ Pada pandangan penulis, inilah yang membezakan Za’ba dengan adiknya yang bersikap lebih ‘lembut’ dalam menyentuh bab kolonial British dan juga raja-raja.

Walau bagaimanapun M.Y bukan menerima bulat-bulat segala yang diamalkan di bawah penjajahan British tetapi beliau merasakan lebih baik masyarakat Melayu merasakan British mempunyai dasar yang tersendiri terhadap Tanah Melayu pada ketika itu dan mereka patut menggunakan peluang tersebut untuk memajukan diri, bangsa dan tanah air agar mereka setanding dengan kemajuan yang dicapai oleh kaum imigran.¹³⁴

Menurut Mark Emmanuel, M.Y merupakan bayang-bayang abangnya iaitu Za’ba. Beliau juga menyatakan bahawa masyarakat lebih tertumpu kepada Za’ba

¹³² M.Y, “Ceritera Negeri-negeri Melayu”, *Majalah Guru*, 1 Februari 1925, 19.

¹³³ Adnan Nawang, *Za’ba dan Melayu*, (Tanjong Malim:Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 15.

¹³⁴ Anak Negeri, “Mengapa di Salahkan Raja-raja dan Orang Besar-besar”, *Majalah Guru*, Disember 1928, 224.

berbanding dengan adiknya.¹³⁵ Bagi pendapat penulis, Za'ba mungkin menjadi tumpuan kepada kebanyakan penyelidik kerana penulisan beliau lebih mendominasi daripada M.Y.

Oleh itu dapat disimpulkan disini bahawa, penulisan Za'ba memonopoli di dalam *Bahagian Tawārikh* dari tahun 1924-1929. Kebanyakan penulisan beliau adalah mengenai tokoh-tokoh Islam. Ini membuktikan bahawa beliau memang mengutamakan agamanya iaitu Islam untuk dijadikan pedoman dan teladan bagi masyarakat Melayu. Beliau juga berharap supaya ianya dapat dijadikan rujukan bagi mata pelajaran *Tawārikh* terutamanya *Tawārikh* Islam itu sendiri.

Sumbangan beliau di dalam *Majalah Guru* amnya banyak memperkatakan tentang nasihat umum mengenai pendidikan dan agama, sejarah Tanah Melayu dan juga Bahasa Melayu. Walaupun Khoo Kay Kim menyatakan bahawa beliau bukanlah seorang sejarawan tapi lebih dikenali dalam bidang bahasa, kesusasteraan dan linguistik,¹³⁶ penglibatan beliau dalam *Bahagian Tawārikh* sebagai mekanisme untuk menerapkan nilai-nilai Islam dan juga jati diri Melayu dengan keadaan masyarakat Melayu pada ketika itu.

Khoo Kay Kim menyebut lagi bahawa sejarah adalah subjektif dengan persepsi bahawa sejarah itu adalah 'masa yang sudah berlalu' maka sejarah bukan sahaja boleh ditulis oleh sejarawan professional malah sesiapa yang memiliki gambaran dan maklumat yang tepat.¹³⁷ Oleh yang demikian, penulis merasakan bahawa penulisan Za'ba dalam *Bahagian Tawārikh* adalah suatu sumbangan beliau bagi masyarakat

¹³⁵ Mark Emmanuel, "A Life Unrecognised: Muhammad Yusuf Ahmad and *Majalah Guru*," dalam *Lost Times and Untold Tales from the Malay World*, ed. Jan Van Der Putten dan Mary Kil Cline Cody (Singapore: NUS Press, 2009), 165.

¹³⁶ Khoo Kay Kim, "Strategi Kesenambungan Titisan Warisan Pendeta Za'ba: Peranan Ahli Sejarah", dalam *Memartabatkan Warisan Pendeta Za'ba*, ed. Abdul Hamid Mahmood dan Idris Md. Radzi (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2010), 100.

¹³⁷ *Ibid*

Melayu, Islam dan golongan pendidik. Ianya bukanlah menjadi suatu kesalahan untuk beliau menulis dalam *Bahagian Tawārikh* walaupun beliau bukan seorang sejarawan.

Penulis berpendapat bahawa penulisan Za'ba dalam *Bahagian Tawārikh* bukan sahaja merupakan fakta semata-mata, malahan beliau cuba mengaitkan sesuatu penulisan itu dengan keadaan masyarakat Melayu pada ketika itu. Ini menunjukkan Za'ba merupakan orang yang prihatin dengan persekitarannya. Oleh itu, ia bersesuaian dengan kenyataan Khoo Kay Kim yang menyatakan bahawa:

“...Za'ba memang seorang intelektual walaupun beliau tidak mempunyai idea-idea yang begitu canggih kerana tidak terdedah kepada dunia akademik sehingga beliau berumur 50 tahun. Fahamannya tentang masyarakat Melayu berasaskan pengalaman secara langsung dengan membandingkan masyarakat Melayu dengan masyarakat Barat dan juga cina...”¹³⁸

Kenyataan Khoo Kay Kim ini menunjukkan bahawa idea Za'ba sebenarnya banyak dipengaruhi oleh keadaan masyarakat pada ketika itu. Ini menunjukkan bahawa Za'ba sebenarnya cuba untuk membantu bangsanya untuk maju ke hadapan. Walau bagaimanapun, penulis bukanlah memfokuskan kajian terhadap Za'ba, akan tetapi memandangkan Za'ba merupakan penulis yang mendominasi *Bahagian Tawārikh*, penulis menjelaskan secara ringkas mengenai beliau.

4. PERKAITAN ANTARA TEMA, PENULIS DAN KEKERAPAN

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa tema yang memonopoli *Bahagian Tawārikh* adalah tema tokoh iaitu sebanyak 36 artikel. Manakala penulis yang paling banyak menyumbang dalam ruangan tulisan sejarah ini ialah Za'ba iaitu sebanyak 51 artikel (1924-1929). Tema tokoh yang memonopoli penulisan dalam ruangan tersebut

¹³⁸ *Ibid*, 98.

kesemuanya adalah sumbangan Za'ba. Ke kerap an tema tokoh oleh Za'ba ini menimbulkan persoalan kepada penulis. Oleh yang demikian, penulis cuba melihat perkaitan antara tema tokoh yang di sumbangkan oleh Za'ba dalam *Bahagian Tawārikh* ini.

Jika dilihat kebanyakan sumbangan penulisan Za'ba dalam *Bahagian Tawārikh* ini ialah berkaitan dengan tokoh Islam ataupun ulamak-ulamak Usul. Daripada jadual 4.3 ini, penulis menyenaraikan bilangan artikel berkaitan tokoh Islam ataupun ulamak-ulamak Usul dalam *Bahagian Tawarikh*:

Jadual 4.3: Tema Tokoh (Islam dan Ulamak-ulamak Usul) di dalam *Bahagian Tawārikh*

Bil. Dan Tema	Tarikh Hidup Setengah Daripada Orang-orang Islam	Ringkasan Tarikh Beberapa Orang Dahulu Kala yang Kenamaan Pada Medan Fikiran dan Layanannya	Setengah Daipada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak Usul)
Tahun 1	-	-	-
Tahun 2	4	1	-
Tahun 3	-	-	6
Tahun 4	-	-	5
Tahun 5	-	-	3
Tahun 6	-	-	3
KESELURUHAN	4	1	17

Sumber: Majalah Guru

Sebanyak 22 artikel daripada 54 artikel adalah mengenai tokoh-tokoh Islam yang diterbitkan dalam *Bahagian Tawarikh* dari tahun 1924-1929. Ini menunjukkan Za'ba cuba menonjolkan kepada masyarakat Melayu bahawa tokoh-tokoh Islam berwibawa yang diceritakan mampu memberi kesan yang positif kepada masyarakat.

Contohnya, Iskandar Zulkarnain,¹³⁹ Lokman al-Hakim,¹⁴⁰ Harun Ar-Rashid¹⁴¹ dan banyak lagi nama-nama tokoh Islam yang di tonjolkan dalam *Bahagian Tawarikh* ini.

Za'ba juga turut menegaskan bahawa jarang masyarakat Melayu yang mengenali nama-nama seperti Iskandar Zulkarnain, Harun Ar-Rashid, dan banyak lagi nama tokoh yang disebutkan, Za'ba menyatakan juga bahawa masyarakat Melayu ini tidak mengetahui lebih terperinci mengenai tokoh-tokoh yang disebutkan dan mereka hanya mempercayai cerita-cerita yang ditokok tambah iaitu perkara yang tidak diketahui kesahihannya.¹⁴²

“...jaranglah orang-orang kita Melayu yang tahu siapa dia mereka itu dan bila masa hidupnya dan apa-apa halnya yang besar-besar masa ia hidup itu dan jika tahupun (sic.) sedikit-sedikit ialah dengan mendengar-mendengar daripada cerita-cerita yang tiada membetuli (sic.) persaksian tawarikh jua. Maka banyaklah perkara-perkara yang pelik-pelik dan hairan-hairan bercampur di dalamnya...”¹⁴³

Daripada pernyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa Za'ba membuktikan masyarakat Melayu banyak terdedah dengan cerita-cerita yang ditokok tambah tanpa mengetahui atau didedahkan dengan sumber penceritaan yang betul. Za'ba juga telah membezakan perkataan ‘hikayat’ dan ‘tawarikh’ bagi menjelaskan lagi perbezaan kepada masyarakat Melayu.¹⁴⁴ Ini juga menunjukkan bahawa Za'ba mahu masyarakat Melayu mengenali tokoh-tokoh Islam yang Masyhur dan jangan hanya menadah cerita-cerita yang dongeng.

Kembali kepada jadual 4.3, tajuk yang diberikan iaitu “Tarikh Hidup Setengah Daripada Orang-orang Islam”, “Ringkasan Tarikh Beberapa Orang Dahulu Kala yang

¹³⁹ Za'ba, “Ringkasan Tarikh Beberapa Orang Dahulu Kala yang Kenamaan Pada Medan Fikiran dan Layanannya”, *Majalah Guru*, 1 Mac 1925, 48.

¹⁴⁰ *Ibid.*, 49.

¹⁴¹ _____, “Tarikh Hidup Setengah Daripada Orang-orang Islam”, *Majalah Guru*, 1 Julai 1925, 124.

¹⁴² Penjelasan mengenai sumber yang digunakan akan dinyatakan dalam subtopik seterusnya.

¹⁴³ _____, “Ringkasan Tarikh Beberapa Orang Dahulu Kala yang Kenamaan Pada Medan Fikiran dan Layanannya”, *Majalah Guru*, 1 Mac 1925, 47.

¹⁴⁴ Perbezaan antara tawarikh dan hikayat ini juga turut dibincangkan oleh Za'ba dan R.O.Winstedt dalam R.O.Winstedt dan Zainal Abidin Bin Ahmad, “A History of Malay Literature, With a Chapter on Modern Developments”, *JMBRAS*, XVII, 3, (1939), 151.

Kenamaan Pada Medan Fikiran dan Layanannya” dan juga “Setengah Daipada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak Usul)” sekiranya dilihat dari isi kandungannya, penulis mendapati bahawa cara penceritaan atau plot penceritaan yang digunakan oleh Za’ba adalah sama iaitu dimulai dengan nama penuh, tahun kelahiran dan kematian, juga sumbangan terbesar yang dilakukan.

Za’ba juga amat teliti dalam menyampaikan sesuatu perkara baru kepada masyarakat. Contohnya dalam tema tokoh ini, dimulai dengan memperkenalkan tokoh Imam Syafie kerana merupakan ikutan dan mazhab yang di amalkan oleh Tanah Melayu. Ianya dibuktikan daripada pernyataan beliau dalam *Majalah Guru*:

“...maka oleh sebab Syafie itu ikutan kita sekalian disebelah sini jadi didahulukanlah namanya sungguhpun pertama-tama (sic.) imam pada Feqah ialah Imam Abu Hanifah...”¹⁴⁵

Penulis juga bersetuju dengan pandangan Adnan Nawang (2009)¹⁴⁶ dan Khoo Kay Kim (1979)¹⁴⁷ yang menyatakan bahawa sememangnya penulisan Za’ba adalah pengaruh penulisan gurunya iaitu Sheikh Tahir Jalaluddin¹⁴⁸ yang merupakan ulama Kaum Muda yang terpengaruh dengan aliran dan pemikiran reformis yang terkenal seperti Sayid Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Rida.

¹⁴⁵ _____, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Mei 1925, 92.

¹⁴⁶ Adnan Nawang, *Za’ba dan Melayu*, (Tanjong Malim:Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 90.

¹⁴⁷ Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1979).

¹⁴⁸ Merupakan seorang sarjana Islam yang luas pengetahuan dan pengalamannya. Beliau juga seorang pemidato yang handal dan penulis prolific. Beliau berasal dari Bukit Tinggi, Sumatera Barat. Ketika berumur 12 tahun lagi, beliau telah dihantar oleh keluarganya ke Mekah. Kewibawaan Sheikh Tahir juga sudah terbukti sejak penerbitan *Al-Imam* (1906-1908). Lihat Wan Zailan Wan Kamaruddin, *Za’ba dan Pemikiran Islam*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1996), 286, Emy Azziaty Razali & Mohammad Redzuan Othman, “Jalan-jalan Keselamatan bagi Orang-orang Melayu: Pemikiran Za’ba Mengenai Pendidikan dan Ekonomi Melayu Islam Era 1920an”, *Jurnal Sejarah*, no.18, (2010), 21.

Selain itu juga, Za'ba dan Syed Sheikh al-Hadi (1862-1934)¹⁴⁹ iaitu rakan karib Za'ba juga melakukan kerjasama dalam penulisan yang dilihat sebagai satu usaha yang baru dalam perkembangan pensejarahan di Tanah Melayu iaitu pada tahun 1922. Tulisan beliau juga adalah mengenai "Tawarikh Orang Islam yang Masyhur". Za'ba merasakan bahawa kerja-kerja penulisan, penterjemahan dan penerbitannya itu hanya terhad kepada kegunaan sekolah rendah Melayu sahaja dan tidak berfaedah untuk pendidikan agama.¹⁵⁰ Bagi pandangan penulis, ini menjadikan beliau mengambil jalan untuk menerbitkan artikel berkaitan sejarah Islam khususnya bagi pembacaan pelajar, guru dan masyarakat Melayu umumnya.

Maklumat yang terkandung dalam penulisan sejarah ini adalah penting terutamanya apabila dilihat dari sudut perjuangan reformis Islam Za'ba. Ini satu strategi Za'ba untuk mendekatkan para pembaca, khususnya golongan pelajar dan guru Melayu kepada sejarah keagungan Islam. Pendidikan tersebut tidak terdapat dalam kurikulum sekolah Melayu dan tidak menjadi kurikulum penting dalam pendidikan agama di sepanjang pemerintahan kolonial British di Tanah Melayu.¹⁵¹

Za'ba adalah seorang perjuang agama Islam dan bangsa Melayu. Beliau tidak mahu 'pendidikan dunia' terpisah dari 'pendidikan agama'.¹⁵² Oleh sebab itu kebanyakan artikel yang disediakan olehnya dalam ruangan pensejarahan *Majalah Guru* memfokuskan kepada duniawi umumnya dan agama khususnya.

Kaedah mencari ilmu bukan sahaja secara formal atau tidak formal, malah boleh dilakukan melalui kaedah pembacaan. Inilah sababnya Za'ba telah mengambil alternatif

¹⁴⁹ Beliau dilahirkan di Melaka dan mendapat pendidikan agama di Terengganu. Beliau juga merupakan rakan seperjuangan dengan Sheikh Tahir dalam memperjuangkan pemikiran Kaum Muda. Sheikh Tahir merupakan guru kepada Za'ba dalam mendalami pengetahuan nahu arab dan selok-belok agama serta masyarakat Islam.

¹⁵⁰ *Utusan Melayu*, 21 September dan 20 Disember 1917.

¹⁵¹ Perkembangan ini semakin jelas jika dilihat dari sudut penulisan Mohd Yusof bin Sultan Maidin (sahabat Za'ba dan Syed Sheikh Al-Hadi). Lihat Adnan Nawang, *Za'ba dan Melayu*, (Tanjong Malim:Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 104.

¹⁵² *Pengasuh*, 1 Mei 1919, 2-3.

untuk menjadikan *Bahagian Tawārikh* ini sebagai bahan bacaan tambahan kepada warga sekolah dan masyarakat Melayu. Langkah yang dijalankan oleh Za'ba sesuai sekali dengan ajaran agama Islam, kerana Islam menggalakkan umatnya membaca. Bahkan ayat-ayat al-Quran yang pertama diturunkan adalah tentang kewajipan membaca.

أَقْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَلَمْ يَكُنْ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ

بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

Al-Alaq 96:1-5

Terjemahan: Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan, Dia Telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah yang Maha pemurah, Yang mengajar (manusia) dengan perantaran kalam, Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.

Bagi Adnan Nawang, Khoo Kay Kim dan Muhd Yusof Ibrahim, penulisan pensejarahan mereka ini adalah bersifat tradisional.¹⁵³ Ianya disifatkan sedemikian, dengan merujuk kepada penggunaan istilah '*Tawārikh*'. Penulisan berdasarkan konsep ini menurut ketiga-tiga penulis prolific ini terlalu memberikan tumpuan kepada tarikh, tokoh dan peperangan. Mereka mengatakan juga bahawa tulisan Za'ba menepati konsep ini. Walaupun begitu, bagi penulis pula cara Za'ba menjelaskan kepada pembaca melalui artikel *Bahagian Tawārikh* adalah cara penjelasan kepada seseorang yang tidak mengetahui apa-apa dan pendekatan yang paling baik adalah dengan penulisan secara ringkas dimulai dengan tarikh, penjelasan dan juga kesimpulan yang dibuat.

Sekiranya penggunaan istilah "*Tawārikh*" itu juga adalah sebagai kayu pengukur bagi sesebuah penulisan yang dikatakan tradisional,¹⁵⁴ bagi penulis tidak sewajarnya

¹⁵³ Lihat Adnan Nawang, *Za'ba dan Melayu*, (Tanjong Malim:Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 90, Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1979), 15-18 dan juga Muhd Yusof Ibrahim, "Akhbar dan Majalah ditinjau daripada Sudut Pensejarahan Melayu" (makalah, Seminar Akhbar dan Majalah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 Januari 1988),1 juga Muhd Yusof Ibrahim, *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka,1997),vii.

¹⁵⁴ *Ibid*

penggunaan istilah tersebut dijadikan sandaran. Ini adalah kerana istilah “*Tawārikh*” merupakan kata dasar daripada perkataan “tarikh” dan tidak sepatutnya dijadikan sebagai kayu pengukur bagi sesebuah penulisan yang dikatakan tradisional.

Za’ba sebenarnya mempunyai alasan kenapa beliau menggunakan sumber yang ditulis oleh Barat. Beliau menyatakan bahawa penggunaan sumber dari orang Barat yang bukan beragama Islam, dilihat beliau untuk memberi kesedaran kepada ulamak pada masa itu supaya mereka mengambil perhatian terhadap pengetahuan yang berguna kepada masyarakat Melayu pada masa itu.

“...daripada qalam pendita-pendita orang putih yang bukan beragama (sic.) Islam barangkali adalah didapati tersebut di dalamnya setengah-setengah perkara yang tiada (sic.) bersetuju telinga orang kita Islam mendengarnya, di dalam pada itu tentulah sangat berharga juga sekurang-kurang untuk memberi sedikit pengetahuan yang permulaan direhal ini atau sekurang-kurang bagi membangkitkan hemah orang-orang alim kita Melayu mengadakan yang lebih baik lagi apabila dilihat mereka bahawa orang putih memberati perkara-perkara demikian ini pada hal diri mereka sendiri tiada hirau hendak menyiasatnya dan mengjidangkan dia bagi pengetahuan anak-anak bangsanya...”¹⁵⁵

Daripada keterangan Za’ba di atas, penulis berpendapat bahawa teguran tersebut ditujukan kepada Kaum Tua daripada pernyataan “...membangkitkan hemah orang-orang alim kita...”.¹⁵⁶ Umum mengetahui bahawa Za’ba terlibat dengan gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu bukan sahaja menerima orientasi fahaman reformis Kaum Muda sekadar untuk amalan peribadi, tetapi turut terlibat aktif mendakwahkan fahaman tersebut dengan caranya yang tersendiri dan penuh dedikasi. Ini menyebabkan beliau terlibat secara langsung dalam konflik Kaum Muda-Kaum Tua di Tanah Melayu.¹⁵⁷

¹⁵⁵ Za’ba, “Bahagian Tawarikh”, *Majalah Guru*, 1 Mei 1925, 92.

¹⁵⁶ Lihat petikan di atas. *Ibid*

¹⁵⁷ Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai konflik tersebut lihat Sidek Hj. Fadzil, “Pemikiran Barat Moden-Sikap Para Cendekiawan Muslim dengan Tumpuan di Alam Melayu”, (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1989), 1-161, Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, “Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996) : Kajian Terhadap Pendekatan dan Tema”, (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, 2012), 194-201. Walau

Jika dilihat daripada gaya penulisan Za'ba dalam *Majalah Guru* terutamanya dalam *Bahagian Tawārikh*, penulis mendapati bahawa Za'ba juga ada menyatakan supaya pembaca merujuk kepada sumber yang betul dan Za'ba telah menyenaraikan sumber rujukannya yang digunakannya beserta rujukan yang lain untuk sesuatu fakta yang sama "*cross reference*". Beliau menggunakan dua sumber dalam menjelaskan sesuatu fakta seperti cerita "Iskandar Zulkarnain":

"...Syed Amir Ali dalam kitabnya The Spirit Of Islam, ayat memikirkan "Zulkarnain" dalam Quran itu dimaksudkan kepada salah seorang daripada raja-raja besar negeri Saba' dahulukala iaitu dijajahan Yaman selatan Tanah Arab kerana mahkota raja negeri itu pada dahulu kalanya berhias dengan suatu macam ukiran berhujung runcing seperti tanduk kekiri kekanan..."¹⁵⁸

"...maka Muhammad Ali pengarang tafsir Quran yang dalam bahasa Inggeris itu memikirkan Zulkarnain dalam Quran itu ialah Raja Darius yang pertama di Negeri Parsi iaitu berkerajaan dari...maka keterangan yang diberi oleh Muhammad Ali ini cukup penuh dan terlebih kuat daripada yang diberi oleh Syed Amir Ali..."¹⁵⁹

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tema tokoh lebih memonopoli dalam ruangan *Bahagian Tawārikh* yang disediakan oleh Za'ba. Ini menunjukkan bahawa Za'ba cuba menonjolkan tokoh-tokoh Islam yang hebat agar menjadi ikutan dan dapat memberi teladan yang baik kepada masyarakat.

bagaimanapun penulis tidak akan berbicara mengenai konflik Kaum Muda-Kaum Tua dengan panjang lebar kerana ianya bukan fokus dalam penulisan disertasi penulis.

¹⁵⁸ Za'ba, "Bahagian Tawarikh", *Majalah Guru*, 1 Mac 1925, 48.

¹⁵⁹ *Ibid*

5. PENUTUP

Bahagian Tawārikh dilihat sebagai medium untuk menyampaikan sejarah mengenai Islam terutamanya kepada pelajar dan juga masyarakat Melayu. Ini adalah kerana sejarah Islam bukanlah silibus yang diajar di sekolah pada ketika itu.¹⁶⁰ Oleh itu *Majalah Guru* telah memberi sumbangan yang besar kepada pelajar dan masyarakat Melayu dengan pendedahan mengenai sejarah Islam melalui tulisan-tulisan sejarah Islam yang terdapat di dalam *Bahagian Tawārikh*.

Walaupun kebanyakan tulisan sejarah yang diterbitkan merupakan terjemahan kepada buku-buku karangan sarjana Barat, namun dapat memberikan penjelasan secara ringkas ataupun pengenalan terhadap seseorang tokoh Islam yang ditonjolkan dengan diperjelaskan dengan sumber yang benar dan mereka juga memberi penjelasan secara ringkas dan bukan hanya bergantung kepada terjemahan semata-mata.

Za'ba merupakan penulis yang banyak menerbitkan artikel terjemahan di dalam *Bahagian Tawārikh* ini, walaupun beliau dilihat memperjuangkan nasib Melayu dan agama Islam tetap menggunakan sumber Barat sebagai medium menyampaikan sejarah Islam. Antara tujuan beliau menggunakan sumber tulisan Barat ini juga adalah kerana untuk mencabar ulamak (kaum Tua) pada ketika itu yang hanya mengambil tahu perkara-perkara yang remeh dan tidak menulis mengenai sejarah Islam untuk tatapan masyarakat.

¹⁶⁰ Lihat lebih lanjut mengenai pernyataan tersebut di dalam Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979), Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991) , Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), Siti Zainun Mat, “Kepentingan Pelajaran Sejarah Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia” *Jurnal Sejarah*, Bil. 18 (1990) dan Norlida Abd Salam et.al, “Pengaplikasian Bahagian Tawārikh di dalam Subjek Sejarah Sebelum Kemerdekaan Malaysia:Tumpuan Terhadap Majalah Guru”, *Jurnal Ta'dib*, Bil. 7, No.2, Disember 2012.

Za'ba sedar peranan dan kepentingan Islam sebagai umbi kemajuan umatnya terutamanya Melayu kerana Islam adalah agama yang diwahyukan dan ditegakkan dengan roh kemajuan. Islam tidak menolak dunia seperti yang difahami oleh ulama Kaum Tua dan orang Melayu yang berfikiran sempit. Dalam konteks dan perspektif sejarahnya, umat Islam telah berjaya mengungguli kejayaan dalam kehidupan duniawi.